


dk

POLITIK UNIVERSITI MERDEKA



DL
M


PTR)



YAHAYA ISMAIL



SIRI ISSUE 2000



POLITIK

UNIVERSITI MERDEKA

TREATISE

Wahai
PINTAR



INOVASI & KREATIF

Access. No: 973 6/80
Class. No:



UNIVERSITI MERDEKA
POLITIK

[Faint, illegible handwritten text]

Access No. <i>[illegible]</i>
Class No. <i>[illegible]</i>

SIRI ISSUE SEMASA 1

DINAMIKA
3B-2, Bangunan UDA,
Jalan Pantai Baru,
Kuala Lumpur,
Tel: 21824.

POLITIK

UNIVERSITI MERDEKA

YAHAYA ISMAIL

DINAMIKA KREATIF

Kami cuba menunjukkan bahawa Universiti Merdeka
dari beberapa aspek yang sangat penting dan
Cina, sejarah panjang, dan baharu
Tel: 21824.

DINAMIKA KREATIF
3B-2, Bangunan UDA,
Jalan Pantai Baru,
Kuala Lumpur,
Tel: 51824.

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara letronik, mekanikal, penggambaran semula, perakamamn ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu dari Jabatan Penerbitan DINAMIKA KREATIF.

@ YAHAYA ISMAIL

Cetakan Pertama 1978

Harga: M\$2.90

Dicetak oleh:
Percetakan Polygraphic Sdn. Bhd.,
No. 2, Jalan 202, Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia.
Tel: 564201.

PRAKATA

Issue Universiti Merdeka ini menjadi topik hangat dalam pembicaraan politik dewasa ini. Issue ini menjadi hangat oleh kerana paling sedikit tiga buah partai politik — MCA, Gerakan dan DAP telah menyatakan sokongan mereka terhadap penubuhannya. Ada juga pihak-pihak akhbar tempatan yang memberi perhatian khusus tentang masalah ini sehingga ia menjadi issue yang sangat kontroversial dan padat dengan emosi.

Apakah alasan-alasan yang bernas yang dikemukakan oleh Merdeka University Sdn Berhad untuk meneruskan cita-cita penubuhan Universiti Merdeka ini? Siapakah yang paling lantang sekali menyokong penubuhannya? Mengapa universiti ini tidak mendapat sokongan dari kalangan orang-orang Melayu? Apakah implikasi politik sekiranya Datuk Hussein Onn tunduk pada tuntutan rakan-rakan dalam Barisan Nasional yang pro penubuhannya dan juga dari DAP? Apakah 'bargaining power' yang bakal digunakan kelak oleh tokoh-tokoh politik yang pro Universiti Merdeka untuk 'memaksa' kerajaan menerimanya juga?

Soalan-soalan begini terus berlingkar dalam kepala kita yang menyebabkan kita terus membuat berbagai ramalan. Mungkin ada pendapat kami yang tepat, dan boleh jadi juga ada yang meleset. Masing-masing mempunyai pendirian sendiri-sendiri.

Kami cuba mengkaji masalah Universiti Merdeka dari beberapa perspektif — sikap budaya orang-orang Cina, sejarah pendidikan Cina di tanahair, issue Bahasa

Kebangsaan, Perlembagaan Negara dan Akta Bahas
Kebangsaan 1967 dan lain-lain yang kami rasakan men-
jadi tali-temali dalam gugatan dan gigitan untuk menerus-
kan perjuangan universiti ini.

Kami lebih banyak mendasarkan hujjah-hujjah kami
dengan mengemukakan berbagai fakta rasmi dan juga
dari bahan-bahan karangan kaum cendekiawan di tanahair
di samping berita-berita yang dikutip dari akhbar-akhbar
sekarang. Dengan cara begini, kami rasa, dapatlah para
pembaca dan pemerhati-pemerhati politik yang kritis
menilai masalah ini secara lebih objektif tanpa bumbuan
emosi yang melimpah ruah.

Akhirulkalam kami harap buku kecil ini dapat men-
cetuskan kesedaran yang lebih baik di kalangan masyara-
kat kita semua.

Terima kasih.

KUALA LUMPUR
4hb Oktober 1978

Yahaya Ismail
Penerbit/Pengarang



KANDUNGAN

		<i>MUKA</i>
BAB PERTAMA	UNIVERSITI MERDEKA UNIVERSITI CINA? 9
BAB KEDUA	MENGAPA UNIVERSITI MERDEKA MENJADI ISSUE POLITIK? 22
BAB KETIGA	MASALAH PELAJARAN CINA: TIME BOMB IN MALAYSIA? 62
	BIBLIOGRAFI 78

BAB PERTAMA

UNIVERSITI MERDEKA UNIVERSITI CINA?

Datuk Musa Hitam telah menggegarkan masyarakat Cina bila beliau menolak penubuhan Universiti Merdeka atas tiga alasan pokok — iaitu, Universiti tersebut ditubuhkan oleh syarikat swasta, kedua, ia memakai bahasa pengantar Cina dan ketiga, ia menampung pelajar-pelajar dari aliran bahasa Cina. Oleh kerana Dasar Pelajaran Kebangsaan hanya menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar sahaja maka penubuhan Universiti Merdeka dianggap bertentangan dengan aspirasi rakyat dan kerajaan Malaysia.

Datuk Musa Hitam mendapat tepukan yang gemuruh bila beliau membuat kenyataan tersebut dalam Persidangan UMNO pada 17hb September lalu. Setelah akhbar-akhbar menyiarkan kenyataan yang berani itu Datuk Musa sekali lagi mendapat perhatian istimewa — kali ini menerima kritik-kritik yang emosional pula dari golongan Cina.

Semasa saya menulis rencana ini tiga buah partai politik telah menyatakan sokongan moral mereka terhadap penubuhan Universiti Merdeka yang kontroversial itu. Jawatankuasa Pusat MCA telah mengambil sikap menggesa semua menteri-menteri MCA dalam kabinet untuk membawa issue ini dalam sidang kabinet yang akan datang. Datuk Lee San Choon dalam kenyataan akhbar selepas mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi MCA pada 23hb September berkata: "Kami mengambil berat

tentang kekurangan peluang untuk mendapatkan pelajaran tinggi bagi pelajar-pelajar bukan Melayu seperti yang selalu berlaku. Kami berpendapat sektor swasta juga mempunyai peranan untuk mengisi dan menambah peluang-peluang pelajaran tinggi di negara ini." (*Star*, 24 September).

Selain MCA partai Gerakan Rakyat Malaysia melalui Ketua Biro Politiknya, Dr. Goh Cheng Teik, juga menyeru kerajaan agar membuka peluang supaya diadakan dialog untuk membincangkan issue Universiti Merdeka ini. Secara tersirat pihak Gerakan juga menganggap bahawa ia juga turut menyokong penubuhan universiti tersebut.

DAP, selaku partai pembangkang yang terkenal kerana pro-Cina dalam sikap dan tindakan politiknya, menggesa supaya diambil tandatangan sebanyak mungkin untuk dipersembahkan ke bawah Duli Yang Dipertuan Agung sebagai pernyataan sokongan mereka terhadap penubuhan universiti itu. DAP sedar bahawa issue Universiti Merdeka ini dijadikan pancingan untuk mendapat undi dalam pilihanraya yang lalu bilamana tokoh-tokoh MCA tidak berani mengemukakan perkara tersebut dalam sidang Parlimen sebelum pilihanraya yang lalu.

Yang penting antara kenyataan-kenyataan yang pro penubuhan Universiti Merdeka ini ialah sikap yang diambil oleh Merdeka University Berhad. Kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh wakil-wakil Lembaga Pengarahnya yang ditandatangani oleh setiausahanya Ker Kim Tim dan penolong setiausahanya Loot Ting Yee antara lain berkata, "Kami mengambil keputusan untuk mengirim satu rombongan menemui Menteri Pelajaran secepat mungkin untuk menunjukkan kepada beliau tentang ketidaklojikan keputusan beliau itu, dan kami juga akan membuat permohonan yang tegas agar kerajaan melaksanakan aspirasi umum orang-orang Cina dan menimbang semula keputusan yang diambil beliau."

Kenyataan itu bertambah bahawa keputusan kerajaan itu, "adalah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan."

Untuk membuktikan betapa siriusnya issue Universiti Merdeka itu kenyataan Merdeka University Berhad berkata, "Kami akan menjemput tokoh-tokoh terkemuka di bidang undang-undang untuk mengkaji secara mendalam aspek-aspek hukum tentang issue tersebut. Tindakan undang-undang akan dibuat pada waktu yang dianggap sesuai."

Kenyataan itu juga menyoal Menteri Pelajaran mengapakah beliau menyuarakan kenyataan tentang issue tersebut dalam Persidangan Agung UMNO dan tidak di Parlimen.

Kenyataan itu menyebut bahawa, "Menteri Pelajaran mendedahkan iaitu keputusan kerajaan telah pun dibuat sebelum pilihanraya yang lalu tetapi beliau sengaja menundakan pengumumannya untuk mengelak dijadikan issue politik oleh golongan yang ada kepentingan dan juga mereka yang anti kerajaan. Adalah jelas alasan untuk menundakan pengumumannya ialah disebabkan ia tidak dapat mempertahankan ujian rakyat dalam pilihanraya itu."

Kenyataan itu dengan jelas menyebut bahawa Universiti Merdeka ialah Universiti Cina.

"Sekiranya kerajaan tidak bercadang untuk menguruskan universiti ini, atau membantunya atau membenarkan sektor swasta menjalankannya dengan perbelanjaannya sendiri, maka ini bermakna bahawa kerajaan melarang penubuhan apa saja universiti swasta tanpa mempersoalkan siapakah yang menjalankannya." Demikian kenyataan itu membuat tanggapannya.

Tentang soal bahasa pengantar bagi Universiti Merdeka ini, kenyataan itu menyebut "bahawa kami telah pun menyatakan dalam surat rayuan kepada Yang Di-

pertuan Agung iaitu 'selain menjadikan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar yang utama, pengajaran dan latihan dalam bahasa Malaysia dan Inggeris juga digalakkan'."

Surat rayuan itu juga menjelaskan bahawa universiti ini akan mengambil sikap "dasar buka pintu" dalam pengambilan para pelajarnya, dan hanya kelayakan akademik sahaja yang menjadi ukuran dalam kemasukannya.

Hujah-hujah untuk menyokong Universiti Merdeka ini termasuklah dakwaan bahawa ia tidak melanggar Perlembagaan Persekutuan mau pun Dasar Pelajaran Kebangsaan. Sebagai alasan kenyataan tersebut ialah menyebut Fasal 152 dalam Perlembagaan yang berkata,

a) tiada seorang pun dilarang untuk memakai (selain dari tujuan rasmi), atau mengajar atau belajar, lain-lain bahasa dan

b) tidak ada dalam ceraiian ini yang akan prejudis hak Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri untuk mengekal dan mengembangkan pemakaian dan pengkajian bahasa sesuatu kaum dalam Persekutuan.

Berdasarkan hujah-hujah dari Fasal 152 itu, kenyataan Merdeka University Berhad menyoal: "Pada ketika ini kami ingin menyoal siapakah sebenarnya yang melanggar Fasal 152 dalam Perlembagaan Persekutuan itu? Dan siapa pula yang melanggar Dasar Pelajaran Kebangsaan yang bermaksud 'mesti memuaskan hak aspirasi sesuatu kaum yang mempunyai kebudayaan yang penting, dan yang menganggap Malaysia sebagai tumpah darahnya'?"

"Bila kerajaan membincangkan soal ekonomi dan lain-lain masalah, ia seringkali merujuk tentang 'solemn agreement'. Tetapi dalam soal pelajaran, apakah kerajaan menolak ke tepi Perlembagaan itu? Kami berpendapat kerajaan tidak dibenarkan untuk berbuat demikian."

Kenyataan itu juga berharap kerajaan "tidak dipengaruhi oleh semangat anti-Perlembagaan dan golongan ekstrimis yang fanatik".

Menanggapi tentang masalah pelajaran, kenyataan itu berkata: "Kami mendapat kesan bahawa setengah orang berpendapat yang Dasar Pelajaran Kebangsaan itu memerlukan semua sekolah untuk menggunakan satu bahasa sahaja sebagai bahasa pengantar yang utama, dan bahasa tersebut ialah tidak lain dan tidak bukan, Bahasa Kebangsaan."

Seterusnya kenyataan itu menambah kata, "Kami menghormati isi kandungan yang terdapat pada Fasal 152 iaitu Bahasa Kebangsaan mestilah Bahasa Melayu. Kita seharusnya menunjukkan iaitu penggunaan Bahasa Kebangsaan dengan jelas tercatat dalam Perlembagaan Persekutuan dan dalam Akta Bahasa Kebangsaan.

"Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan tidak pun mencatatkan semua sekolah mesti menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang utama. Tidak terdapat apa-apa 'provisions' dalam kedua-dua undang-undang yang menyekat aliran bahasa Cina (termasuk sekolah rendah, menengah dan universiti) dari menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar yang utama."

Kenyataan yang panjang lebar dari Merdeka University Berhad ini dikeluarkan dalam *Star* (24 September) yang dengan sendirinya memperlihatkan sikap politik bahasa dari golongan Cina.

Adalah penting bagi kita untuk menganalisa pandangan politik kaum Cina dari kenyataan tersebut kerana kenyataan lembaga pengarah Merdeka University Berhad ini menyentuh berbagai aspek dari perjuangan politik bahasa dan pelajaran Cina di tanahair. Tambahan pula perjuangan pelajaran Cina ini bukan saja mendapat sokongan kuat dari MCA dan Gerakan tetapi juga dari DAP dan juga pertubuhan-pertubuhan Cina lainnya.

Apa yang jelas dari kenyataan ini ialah mereka tidak silu-silu lagi mengemukakan hasrat mereka yang sebenar — iaitu ingin menjadikan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar bukan saja di sekolah rendah, menengah tetapi juga di universiti yang ditaja sendiri oleh orang-orang Cina.

Dengan lantang mereka menolak Dasar Pelajaran Kebangsaan 1956 dan 1960 (Dasar Rahman Talib) yang merancang dan meletakkan asas perpaduan kaum melalui satu bahasa pengantar — iaitu Bahasa Malaysia dari peringkat rendah hingga ke universiti. Sungguhpun kedua penyata pelajaran (Razak dan Rahman Talib) terus membuka peluang bagi pengajaran dan perkembangan bahasa-bahasa lain terutama sekali di peringkat rendah dan menengah sekiranya lebih dari 15 orang ibubapa inginkan pengajaran bahasa ibunda mereka namun ini pun masih belum memuaskan hasrat setengah golongan bukan Melayu tentang pengajaran bahasa masing-masing.

Betapa anehnya desakan golongan Cina ini bila mereka tidak menyebut langsung tentang soal perpaduan kaum melalui satu sistem pelajaran nasional melalui Bahasa Malaysia. Sebaliknya kenyataan lembaga pengarah Merdeka University Berhad cuba memberi tafsiran yang menggelirukan tentang hasrat dan aspirasi Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan tahun 1967 itu untuk memberi 'credibility' kepada desakan mereka dalam penubuhan universiti ini.

Nampaknya yang diutamakan antara kepentingan nasional dengan kepentingan Cina pihak penyokong Universiti Merdeka lebih menitikberatkan kepentingan Cina. Justru itu mereka terus menerus menghidupkan soal penggunaan bahasa Cina ini sejak merdeka hingga sekarang.

Boleh jadi golongan Cina berasa optimistis bahawa mereka akan berjaya dalam desakan penubuhan Universiti Merdeka ini kerana mereka telah berjaya 'menundukkan'

kerajaan untuk mengakui Kolej Tunku Abdul Rahman yang lebih 95% dari kakitangan dan pelajar-pelajarnya terdiri dari kaum Cina di mana bahasa pengantar utamanya ialah bahasa Inggeris.

Kalau mereka sudah berhasil mengujudkan sebuah kolej yang lebih banyak berfaedah kepada golongan Cina dengan menggunakan bahasa pengantar Inggeris yang kini menjadi bahasa kedua sahaja dalam sistem pelajaran kebangsaan (hanya pada tahun 1983 sahaja Bahasa Malaysia akan menjadi bahasa pengantar utama di peringkat universiti) maka 'precedent' yang berlaku ini hendak pula dijadikan modal hujjah golongan yang pro Universiti Merdeka.

Terdapat semacam kontradiksi dalam menanggapi aspirasi golongan yang pro Universiti Merdeka ini. Dalam satu nafas mereka menerima Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara tetapi dalam nafas yang lain pula mereka mendesak kerajaan supaya menerima penubuhan Universiti Merdeka yang memakai bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utamanya!

Sikap berdolak-dalik yang diperlihatkan oleh pucuk pimpinan MCA, DAP dan Gerakan menimbulkan tanda-tanya pula kepada kita tentang tujuan dan matalamat mereka yang sebenarnya sebagai warganegara Malaysia — apakah mereka benar-benar menghayati aspirasi rakyat dan kerajaan yang sah atau cuba menimbulkan pula konflik-konflik baru untuk mempertebalkan lagi polarisasi kaum di negara ini.

Betapa lucunya bila kita dapati tokoh seperti Dr. Goh Cheng Teik yang berkata dalam bukunya *Integration in a Plural Society*: "Thirty-five years after the Fall of Singapore, the tide of Malaysian Malaysia is now at its flood. We, the *hua yi*, must ride this tide without hesitation. We must seek out the moderate Malays. We must engage them in a continuous dialogue and *musyawarah*. We must reason with them quietly and patiently. We must do so not

as accusing Chinese chauvinists but as concerned and enlightened fellow-Malaysians.” (h. 37)

Terjemahannya: “Tigapuluh lima tahun selepas Kejatuhan Singapura, konsep Malaysian Malaysia kini adalah pada tahap yang sangat menggalakkan. Kita, kaum *hua yi*, (bangsa Cina) mesti menggunakan kesempatan ini tanpa lengah-lengah lagi. Kita mesti mencari orang-orang Melayu yang sederhana sikapnya. Kita mesti mengadakan dialog dan musyawarah yang terus menerus dengan mereka. Kita mesti meyakinkan mereka secara diam-diam dan dengan penuh sabar. Kita melakukan demikian bukanlah sebagai golongan Cina yang chauvinis tetapi sebagai warga Malaysia yang bertanggungjawab dan liberal sifatnya.”

Apakah sebenarnya konsep Malaysian Malaysia yang diperjuangkan oleh Gerakan itu kalau prioritas kaum Cina menggerhanai prioritas nasional dalam soal pelajaran kebangsaan untuk mengujudkan satu rupabangsa Malaysia? Orang Melayu yang sederhana macam manakah yang bisa menerima hakikat bahawa Dasar Pelajaran Kebangsaan juga membolehkan bahasa Cina, Tamil dan Inggeris seperti mana yang diperjuangkan oleh parti-parti Cina itu?

Apakah kita harus kembali kepada sistem pendidikan kolonial yang mengamalkan empat bahasa pengantar dan mengidentifikasikan bangsa menurut latarbelakang pekerjaan yang di'khaskan' oleh Whitehall dulu?

Tidak kena pada tempatnya kalau konsep Malaysian Malaysia yang sering dilaung-laungkan oleh pemimpin-pemimpin Gerakan dan DAP hanya meminta pengorbanan yang terlalu banyak dari orang-orang Melayu seolah-olah orang-orang Melayu dan pemimpin-pemimpin politik Melayu selama ini tidak toleran untuk menerima konsep politik berbilang kaum.

Dr. Goh Cheng Teik dalam bukunya juga mengakui bahawa Cina Malaysia sangat beruntung kerana pucuk pimpinan dalam kabinet adalah terdiri dari “kepimpinan

Melayu yang ingin menyelesaikan masalah” (‘problem-solving Malay leadership’) yang terdiri dari Dato’ Hussein Onn, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammed, Tan Sri Ghazali Shafie, Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam. Selain dari tokoh-tokoh tersebut disebut juga tokoh-tokoh UMNO lapisan kedua seperti Datuk Mokhtar Hashim, Datuk Rais Yatim, Encik Abdul Manan, Datuk Naguib dan Rafidah Aziz.

Kalau golongan Cina sudah melihat adanya pemimpin-pemimpin Melayu yang sederhana dan bertimbangrasa maka perlu pula mereka menganalisa sikap politik mereka sekarang untuk menilai apakah mereka juga sederhana dan toleran seperti pemimpin-pemimpin Melayu yang dikemukakan oleh Dr. Goh Cheng Teik tersebut.

Apakah maksud Merdeka University Berhad membuat kenyataan yang mengandungi ancaman bahawa tindakan undang-undang akan diambil bilamana dianggap perlu. Apakah sudah dikaji dengan matang implikasi politik sekiranya penyokong-penyokong Universiti Merdeka terus mendesak juga tanpa memperhitungkan kedudukan partai-partai MCA dan Gerakan yang menjadi rakan dalam Barisan Nasional itu?

Sekiranya pemimpin-pemimpin MCA terus mencari pengaruh dan populariti di kalangan orang-orang Cina melalui issue Universiti Merdeka ini besar kemungkinan ketegangan perhubungan akan berlaku dalam Barisan Nasional. Semua orang sudah arif bahawa MCA tidak begitu kuat seperti MCA di zaman Tan Siew Sin atau pun di zaman Tan Cheng Lock lagi oleh kerana sudah timbul beberapa partai bukan Melayu yang lain dalam arena politik yang dianggap lebih ‘aktif’ untuk memperjuangkan kepentingan Cina seperti DAP dan juga Gerakan.

MCA melihat bahawa kewibawaan pucuk pimpinannya semakin merosot setelah sekian lama menjadi ‘anak kemanjaan’ UMNO, dan ia masih lagi dianggap sebagai partai politik yang mementingkan golongan taukeh yang

kaya raya. Sejak 1955 hingga kini MCA tidak pernah mempunyai suara yang terbesar dalam perkembangan politik Malaysia. Lain halnya dengan Gerakan yang sudah berhasil menubuhkan kerajaannya di Pulau Pinang pada tahun 1969. Dari segi prestasi politik Gerakan lebih berjaya menarik perhatian orang-orang Cina dari MCA, dan oleh kerana itu 'bargaining powernya' adalah lebih besar dari MCA sendiri. Sungguhpun UMNO mendapat sembilan kerusi dan merupakan suara terbanyak dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dalam pilihanraya tahun 1978 namun UMNO masih sanggup memberi jawatan Ketua Menteri kepada Dr. Lim Chung Eu!

Tapi sekiranya Gerakan dan MCA bersama-sama cuba mendesak supaya kerajaan menimbang semula sikap terhadap Universiti Merdeka ini melalui 'musyawarah' seperti yang dikatakan oleh Dr. Goh Cheng Teik, besar kemungkinan pemimpin-pemimpin Melayu yang sederhana akan tetap menolak juga permintaan kedua anggota Barisan Nasional tersebut. Sekiranya pemimpin-pemimpin MCA dan Gerakan masih berdegil juga untuk memaksakan hasrat sebilangan kaum Cina itu boleh jadi ini akan memecahbelahkan perpaduan dalam Barisan Nasional kelak.

Kalau pemimpin-pemimpin Melayu yang sederhana dalam UMNO menolak cadangan penubuhan Universiti Merdeka apakah ini bermakna bahawa orang-orang Cina sudah kehilangan pemimpin-pemimpin Melayu yang 'moderate' untuk berunding? Datuk Hussein Onn tentu sekali tidak akan berganjak dari landasan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang berkembang sejak tahun 1956 yang sudah pun memperlihatkan kesan positif dalam pembentukan suatu identiti Malaysia melalui satu bahasa rasmi yang tunggal di tanahair. Adalah mustahil untuk meyakini Datuk Hussein Onn maupun pemimpin-pemimpin Melayu yang sederhana bahawa apa yang dilaksanakan menurut Dasar Pelajaran Kebangsaan itu adalah bertentangan dengan hasrat rakyat Malaysia hanya

dengan alasan bahawa kepentingan bahasa Cina tidak mendapat tempat yang wajar dalam sistem pelajaran kebangsaan tersebut.

Kalau pemimpin-pemimpin Cina inginkan tokoh-tokoh politik Melayu yang sederhana untuk membangunkan negara ini demi kepentingan kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia maka orang-orang Melayu juga ingin berunding dan bekerjasama dengan pemimpin-pemimpin Cina yang sederhana juga dan yang 'national consciousness' dan bukan 'Chinese consciousness'.

Kalau Datuk Hussein Onn, Dato' Seri Dr. Mahathir dan Datuk Musa Hitam tetap berpegang teguh pada prinsip perpaduan negara melalui satu sistem pelajaran kebangsaan yang ada sekarang apakah mereka bisa dicap sebagai tokoh-tokoh yang di "swayed by the anti-Constitution tides of fanatic extremism" seperti yang dikatakan dalam kenyataan akhbar Merdeka University Berhad itu?

Sebenarnya tokoh-tokoh dalam MCA dan Gerakan sudah terjebak dalam politik perkauman yang dicipta sendiri oleh mereka. Walaupun Dr. Goh Cheng Teik dalam bukunya *Integration in a Plural Society* mencemuh gagasan 'perpaduan kaum Cina' (Chinese Unity) yang dicetuskan oleh MCA itu namun suara-suara yang tersirat dalam penubuhan Universiti Merdeka ini memperlihatkan Gerakan juga ingin mencari modal politik dalam issue yang sama.

Kita tidak menyelidiki dengan mendalam sejauh manakah kerjasama yang ujud antara Gerakan, MCA dengan DAP dalam soal Universiti Merdeka ini. Berdasarkan kenyataan-kenyataan akhbar yang dikeluarkan dari tokoh-tokoh ketiga partai tersebut jelas menunjukkan bahawa mereka mempunyai matalamat yang sama — inginkan Universiti Merdeka ditubuhkan dan bahasa Cina menjadi bahasa pengantar utama bagi menjaga kepentingan kaum Cina di Malaysia.

Pada orang-orang Melayu yang mengikuti secara sirius perkembangan agitasi penubuhan Universiti

Merdeka ini mereka mungkin beranggapan bahawa sudah timbul dengan nyata golongan pemimpin-pemimpin Cina yang chauvinistis yang sudah mengengkari nilai-nilai kerjasama antara kaum yang telah pun termeterai dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan dan lain-lain tolak ansur politik selama ini. Ini adalah lampu merah dalam perhubungan kaum khususnya Melayu-Cina.

Bahawa dengan adanya desakan-desakan dari pucuk pimpinan MCA dan Gerakan sendiri dalam issue ini membuktikan kurangnya semangat musyawarah dan pengertian nasional dari kalangan mereka. Kita bimbang akan timbul reaksi yang kurang disenangi di pihak ahli-ahli dan pucuk pimpinan UMNO pula yang menggesa supaya UMNO mengambil sikap tegas terhadap kedua partai tersebut dalam Barisan Nasional yang membangkit-bangkitkan semula soal bahasa dan kecaman mereka terhadap Dasar Pelajaran Kebangsaan. Kalau pucuk pimpinan UMNO berani mengambil sikap menyingkirkan PAS dari keluarga Barisan Nasional akibat krisis politik Kelantan yang dianggap membawa 'huruhara' di kalangan rakyat, maka issue Universiti Merdeka ini juga boleh mengakibatkan ketegangan ras di kalangan rakyat Malaysia yang lebih buruk lagi dari apa yang telah berlaku di Kelantan.

Orang-orang Melayu sedar bahawa ada pemimpin politik Cina yang cuba mencari ilham dari dasar multilingualisme di Singapura. Singapura mengakui Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tetapi menjadikan empat bahasa — Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil sebagai bahasa rasmi Republik itu. Dalam amalan administrasi dan kehidupan sehari-hari bahasa Inggeris diutamakan, dan kini sudah ada usaha pula bagi kerajaan Lee Kuan Yew untuk memberi tempat yang penting pula pada bahasa Mandarin.

Melihat adanya perubahan sikap politik Lee Yuan Yew terhadap status bahasa Mandarin di Singapura maka sudah ada gerakan di kalangan Dewan Perniagaan Cina

Malaysia untuk berunding dengan tokoh-tokoh Dewan Perniagaan Cina Singapura agar golongan taukeh di Singapura dapat membuka peluang pelajaran yang lebih luas kepada pelajar-pelajar aliran Cina di Malaysia untuk menuntut di Nanyang kelak.

Umum mengetahui bahawa Dewan Perniagaan Cina bukan sahaja berminat dalam bidang perniagaan tetapi juga secara langsung atau tidak langsung menjadi juara juga dalam perjuangan bahasa, pelajaran dan kebudayaan Cina. Oleh itu janganlah hairan kalau kedua dewan perniagaan tersebut sambil berunding tentang perniagaan dua hala juga turut merundingkan tentang nasib bahasa dan pelajaran Cina secara dua hala demi kepentingan politik dua hala. Kita percaya tokoh-tokoh yang pro Universiti Merdeka akan menggunakan berbagai cara untuk melobi dalam perang urat saraf ini untuk 'menekan' kerajaan Malaysia. Kita percaya Lim Kit Siang dan lain-lain wakil rakyat dari DAP akan terus menyuarakan hasrat orang-orang Cina ini dalam sidang Parlimen ini. Inilah 'platform' politik DAP yang paling baik untuk menjadi juara kaum Cina di Parlimen bilamana rakan-rakan mereka yang pro Universiti Merdeka dari Gerakan dan MCA hanya sanggup memeluk tubuh dan mendengar sambil tersenyum dengan penuh 'understanding'.

BAB KEDUA

MENGAPA UNIVERSITI MERDEKA MENJADI ISSUE POLITIK?

Mungkin banyak orang berpendapat issue Universiti Merdeka menjadi 'hot' setelah MCA kalah dengan teruknya dalam pilihanraya baru-baru ini. Ini tidak benar. Issue ini sudah lama bermain dalam hati kebanyakan tokoh-tokoh Cina kira-kira sebelas tahun yang lampau. Bilamana Akta Bahasa Kebangsaan diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1967 yang lalu, yang menjadikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi negara ini, maka gerakan untuk memperjuangkan bahasa Cina melalui pelajaran tinggi pun mula dicetuskan.

Untuk memahami latarbelakangnya adalah wajar bagi kita mengkaji sejarah perkembangan pelajaran Cina di negara ini supaya kita mendapat perspektif yang lebih baik.

Apabila British mengembangkan pemerintahan kolonialnya di Tanah Melayu golongan imigran Cina menyerbu masuk dengan ramainya di sini oleh kerana kerajaan British mengamalkan dasar imigrasi pintu terbuka untuk menerima mereka bagi kepentingan ekonomi penjajahan di sini. Pada tahun 1800 orang-orang Melayu terdiri dari 90% penduduk-penduduk di sini, dan hingga tahun 1880 mereka masih lagi $\frac{2}{3}$ jumlah semua penduduk-penduduk di sini. Tapi pada tahun 1911 Melayu hanya tinggal 51% sahaja dan pada tahun 1941 peratusnya menjadi 40.5%. Kaum imigran Cina kian bertambah

jumlahnya sebelum adanya sekatan kemasukan kaum Cina di Tanah Melayu pada tahun 1933. Akibatnya kebanyakan orang-orang Cina terus tinggal di Tanah Melayu dan jumlah anak-anak Cina kelahiran Tanah Melayu semakin berkembang setelah mereka menjadikan Tanah Melayu sebagai negara kedua mereka.

Menurut perangkaan tahun 1947 62.5% dari orang Cina dikatakan sebagai kelahiran Tanah Melayu kalau dibanding hanya 31.2% sahaja pada tahun 1931. Pada 1957 peratus kelahiran tempatan menjadi 74.5% dan pada tahun 1970 jumlahnya menjadi 86.9%.

Orang-orang Cina yang datang dari berbagai wilayah di negara Cina membawa bersama-sama mereka adat resam, kebudayaan dan bahasa masing-masing. Mereka amat berat tentang pelajaran, dan justru itu banyak sekolah-sekolah Cina didirikan. Orientasi pendidikannya adalah kepada negara Cina dan semua buku pelajarannya diimport dari negara Cina. Boleh dikatakan kebanyakan sekolah-sekolah Cina ini menjadi medan indoktrinasi fahaman Marx dan lain-lain hingga membimbangkan kerajaan British. Pergolakan politik di negara Cina pada tahun 1911 memberi kesan politik yang hebat di Tanah Melayu. Penyokong-penyokong revolusi Cina menghasut para pelajar supaya menentang setiap usaha untuk memberikan taat setia kepada negara ini, dan sebaliknya menumpukan taat setia mereka kepada negara Cina.

Menurut Ibrahim Saad dalam bukunya *Pendidikan dan Politik di Malaysia* Sir Cecil Clemente menyatakan bahawa "kanak-kanak Cina yang tinggal tetap di Tanah Melayu patut diajar supaya mereka menganggap Semenanjung dan bukan negeri Cina sebagai negara asalnya dan patut menanam semangat patriotisme Tanah Melayu". Lalu beliau mensyorkan supaya Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar untuk semua kaum di sekolah kerana ia menjadi *lingua franca* (bahasa perantaraan) di sini. Orang Cina menentang idea Clemente tersebut.

Gerakan Bahasa Kebangsaan bermula di Peking pada tahun 1917 dan selepas itu merebak pula ke Tanah Melayu yang menyebabkan sekolah-sekolah Cina menggunakan Kuo Ku (Mandarin) sebagai bahasa pengantar. Bukan saja buku-buku teks yang diimport dari negeri Cina tetapi juga sebilangan besar dari guru-guru sekolah juga didatangkan dari sana. Kebanyakan dari mereka mengambil sikap anti-British.

Bila British menyedari bahawa adanya pengaruh subversif dari politik luar Tanah Melayu menguasai sekolah-sekolah Cina maka British pun mengadakan undang-undang untuk mendaftar dan mengawal sekolah-sekolah dan guru pada tahun 1920. Pihak Cina tidak suka campurtangan British dalam urusan persekolahan mereka tetapi lama kelamaan mereka terpaksa tunduk juga pada undang-undang di sini. Walaupun bahan-bahan yang berupa hasutan tidak diimport lagi namun bahan-bahan bacaan masih berkiblat ke negeri Cina. Menurut Paul Chang Ming Phang dalam bukunya *Perkembangan Pelajaran Dalam Masyarakat Berbilang Kaum* buku-buku untuk sekolah Cina adalah diimport dari Shanghai dari dua buah penerbit terkemuka iaitu Commercial Press dan Chung Hwa Press.

Struktur sekolah Cina seperti model di negeri Cina tidak berubah langsung. Ia terbahagi kepada tiga peringkat — iaitu enam tahun sekolah rendah, dan diikuti dengan tiga tahun di sekolah menengah rendah dan tiga tahun lagi untuk menengah atas.

Menurut Paul Chang mula-mulanya kanak-kanak Cina diajar bahasa-bahasa daerah yang dituturkan oleh orang-orang Cina, dan bidang pelajarannya lebih memberatkan bacaan klasik dan pengetahuan kira-kira dengan capua. Kebanyakan guru-guru di sekolah-sekolah ini kurang terlatih, dan banyak antara mereka mempunyai lain-lain pekerjaan sebagai tukang tilik nasib dan menulis surat yang dianggap sudah cukup 'layak' untuk menjadi sang guru pula.

Orang yang dianggap bertanggungjawab memberikan sistem pada pelajaran Cina di Tanah Melayu ialah Kang Yu-Wei, seorang Mandarin dan sarjana yang terkemuka dari negeri Cina. Beliau lari ke Tanah Melayu apabila kedudukannya di negeri Cina tidak disukai oleh Empress Dowager dan datang ke sini pada tahun 1900. Dengan bantuan beberapa orang hartawan Cina di Pulau Pinang dan Singapura, antaranya Dr. Lim Boon Keng, Kang Yu-Wei telah berjaya mendirikan sekolah-sekolah Cina menurut sistem dan tiori pendidikannya. Konsep Kang ialah menyatukan pengajaran Confucius dengan sains moden. Atas dasar sistem inilah banyak sekolah-sekolah Cina didirikan di Semenanjung dengan bantuan masyarakat Cina sendiri.

Menurut Paul Chang lagi, "Kang membantu mengubal perlembagaan bagi sekolah-sekolah baru ini, menyusun sukatan pelajaran dan mengambil pekerja baru. Tambahan lagi dia juga menolong menggalakkan penubuhan kelab Confucius dan persatuan orang-orang Cina dan memulakan akhbar Cina. Dengan itu ia membiayai sendiri dan dengan pengaruh Kang, sekolah-sekolah Cina pun mula berkembang mengikut garis-garis yang berbentuk dan berisi Cina semata-mata, berlainan daripada bentuk politik dan kebudayaan Tanah Melayu" (h. 19).

Kerjasama dan wang yang dicurahkan oleh masyarakat Cina untuk mengembangkan pelajaran, bahasa dan kebudayaan Cina melalui sekolah-sekolah mereka amat besar sekali. Para jutawan Cina banyak membantu untuk memberi prestij kepada beberapa buah sekolah Cina yang terkemuka di Malaysia seperti Chung Ling High School dan Han Chiang di Pulau Pinang dan Kuen Cheng di Kuala Lumpur. Keujudan Universiti Nanyang di Singapura adalah juga hasil dari pengorbanan dan curahan wang orang-orang Cina dari berbagai negeri untuk menanamkan kebudayaan Cina di Kepulauan Melayu.

Saya masih ingat sewaktu mengajar di Chung Ling Pulau Pinang banyak anak-anak Cina dari Indonesia dan Thailand belajar di sekolah tersebut bilamana sekolah-sekolah Cina tidak dibenarkan berkembang di Indonesia dan Thailand. Di Melbourne misalnya terdapat satu persatuan bekas-bekas murid Chung Ling yang menjalankan kegiatan persatuan untuk menjaga kebajikan orang-orang Cina dan para pelajar yang berasal dari sekolah Chung Ling di Pulau Pinang.

Boleh dikatakan banyak pelajar-pelajar dari sekolah Cina di Malaysia menyambungkan pelajaran mereka di Singapura (Nanyang dan Ngee Ann Kolej) serta di Taiwan, Hongkong dan juga di negara-negara barat seperti Amerika, England dan Australia. Banyak yang belajar atas perbelanjaan sendiri. Oleh kerana bangsa Cina adalah satu bangsa yang dapat menyesuaikan keadaan dengan suasana politik-kebudayaan setempat maka banyak antara pelajar-pelajar mereka yang bisa mencapai ijazah dan pengetahuan iktisas dalam berbagai bidang dari universiti-universiti di barat melalui bahasa Inggeris! Bilamana mereka kembali ke tanahair mereka membawa bersama-sama mereka ijazah dan pengetahuan iktisas yang diakui dari universiti-universiti seberang laut melalui sistem pelajaran yang berlainan sekali dari sistem persekolahan Cina yang menjadi latarbelakang mereka. Sikap adaptasi dan oportunisma ini menyebabkan bangsa Cina menjadi lebih terkemuka dalam berbagai bidang kehidupan moden dewasa ini di mana-mana saja mereka berada.

Setelah gagasan *Malayan Union* tajaan MacMichael ditentang oleh orang-orang Melayu pada tahun 1946 maka satu usaha telah dijalankan oleh pihak British untuk menyusun semula dasar pelajaran Melayu di Semenanjung. Sebuah jawatankuasa untuk mengkaji pelajaran Melayu telah dilantik dengan L.J. Barnes, pengarah latihan sosial dari Universiti Oxford, sebagai pengerusi-nya.

Syor utama yang dibuat oleh jawatankuasa Barnes ialah perubahan yang beransur-ansur sekolah yang ada di Tanah Melayu supaya kanak-kanak dari berbagai kaum diajar dalam hanya dua bahasa pengantar — Melayu dan Inggeris, dan menjadikan bahasa Cina dan Tamil sebagai mata pelajaran bahasa sahaja. Jawatankuasa ini berpendapat selagi kanak-kanak dari berbilang kaum belajar dalam sekolah-sekolah yang berbilang bahasa selama itulah peraduan rakyat tidak dapat disemaikan. Adalah dianggap sekiranya kanak-kanak diajar dalam salah satu bahasa rasmi pada waktu itu (iaitu Inggeris dan Melayu) maka masalah perpaduan kaum adalah lebih mudah terlaksana dari apa yang ujud pada waktu itu.

Cadangan Barnes ini mendapat reaksi kurang senang di kalangan orang-orang Cina yang menganggap pelaksanaan dasar itu akan menghapuskan pelajaran Cina di Semenanjung. Orang-orang Cina berpendapat adalah kurang wajar bagi komiti Barnes yang terdiri dari orang-orang British dan Melayu untuk membincangkan pelajaran Cina, dan oleh itu pandangan-pandangan yang dibuat oleh jawatankuasa tersebut dianggap mencurigakan.

Guna memujuk orang-orang Cina pihak kerajaan kolonial menubuhkan pula satu suruhanjaya untuk membincangkan pelajaran Cina di Semenanjung. Suruhanjaya ini dianggotai oleh W.P. Fenn dari Amerika Syarikat dan T.Y. Yu dari Bangsa-Bangsa Bersatu. Penyata Fenn-Yu ini telah menimbulkan kemarahan di kalangan masyarakat dalam soal perhubungan kaum dan pelajaran di sini. Mengikut penyata tersebut:—

“Tidaklah mungkin dengan secara buatan dicipta satu kebudayaan daripada banyak kebudayaan yang sudah tentu tidaklah cepat. Dibebankan hubungan berbagai kelompok dari segi fisiologi dan emosi, sebarang percubaan pada masa itu untuk memaksa perpaduan secara tidak sukarela sudah tentu akan

membawa kepada bertambah luas jurang perbezaan yang tidak sepatutnya berada di Tanah Melayu atau pun di mana-mana di dunia ini. Apa yang boleh diharapkan ialah hubungan secara aman dan bekerjasama di kalangan berbagai unsur, di mana komuniti kepentingan bukannya perbezaan ditegaskan secara semula jadi. Tidaklah patut dijadikan Tanah Melayu sebagai sebuah gelanggang bagi kebudayaan yang agresif. Memandangkan ia mempunyai penduduk yang berbilang bangsa sepatutnya ia merupakan sebuah negara di mana kebudayaan yang berkembang menjadi kukuh dengan cara menerima segala nilai yang tinggi daripada lain-lain kebudayaan. Penduduk Tanah Melayu hendaklah memahami dan menghargai perbezaan kebudayaan mereka. Mereka sepatutnya berbangga dengan sifat saling-toleransi mereka.

Kifa telah huraikan dengan panjang lebar tentang soal kebudayaan ini kerana apa yang kita sifatkan kegunaan perkataan "Kemalaysianan" secara tak langsung dan tak bertimbangrasa. Dan lagi bagi kebanyakan orang-orang Cina di Tanah Melayu, "Kemalaysianan" adalah suatu 'anathema'. Memandangkan tiadanya satu kebudayaan, atau pun satu masyarakat, yang boleh dikatakan Kemelayuan, ia ditakrifkan bermakna bersifat bangsa Melayu bukannya bersifat Tanah Melayu".

Penyata Fenn-Wu ini memarakkan lagi ketegangan antara Melayu — Cina yang sedia ada di waktu itu. Semangat nasionalisma Melayu yang berkobar-kobar selepas kehancuran *Malayan Union* dan kegiatan komunis sejak 1948 (yang diidentifikasikan sebagai gerakan kaum Cina) menyebabkan orang-orang Melayu menjadi bertambah curiga terhadap kegiatan orang-orang Cina dalam berbagai bidang.

Apa yang tidak dihayati oleh Fenn-Wu dalam penyata mereka ialah kehebatan semangat kebangsaan yang menulari negara-negara Asia selepas Perang Dunia Kedua untuk merebut kemerdekaan dari tangan penjajahan. Orang-orang Melayu pada waktu itu melihat perjuangan kemerdekaan Indonesia sebagai sebahagian dari perjuangan bangsa Melayu juga. Justru itu pertautan jiwa yang erat antara Indonesia-Melayu melahirkan sikap politik yang anti orang-orang asing oleh kerana mereka menganggap orang-orang asing ini tidak dapat menghargai cita-cita kebangsaan mereka. Malah ada yang menganggap orang-orang asing itu, terutama sekali kaum Cina, sebagai golongan oportunist yang bersekongkong dengan British untuk menggaruk kekayaan di sini.

Sikap Melayu tentang kesetiaan "di mana langit dijunjung" ini menyebabkan timbul kecurigaan bila orang-orang Cina agak keberatan menerima bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sistem persekolahan seolah-olah mereka (kaum Cina) memandang hina terhadap bahasa tersebut. Apa yang tersirat dalam penyata Fenn-Wu tersebut memberi pengertian bahawa adalah kurang wajar bagi bahasa Melayu untuk diterima oleh orang-orang Cina yang kebudayaannya dianggap paling tinggi sekali di dunia ini.

Melaksanakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah bukanlah bermakna orang Melayu memaksakan kebudayaannya ke atas bangsa-bangsa lain tetapi hanya untuk mengujudkan pengertian yang lebih baik lagi dari segi kesetiaan "di mana langit dijunjung" itu. Soal kesetiaan adalah prinsip utama dalam mana-mana sistem masyarakat di dunia ini untuk mengujudkan pengertian sosio-politik-kebudayaan yang lebih baik dalam hubungan antara kaum. Bahasa Melayu hanya satu medium untuk memberikan identiti kesetiaan bagi negara ini yang akan melahirkan pula satu identiti Malaysia.

Kedua tokoh Fenn dan Wu tidak pula mempersoalkan imposisi bahasa Inggeris kepada anak negeri dan lain-lain

bangsa yang mendiami di Semenanjung walaupun hanya satu golongan kecil sahaja dari masyarakat majmuk di sini yang tahu bertutur dalam bahasa tersebut. Dengan kata lain, kekuasaan politik kolonial itulah yang menyebabkan ia berhasil membentuk suatu sikap kolonial yang memuja dan berpengaruh di kalangan anak-anak negeri.

Dengan kata lain, ada golongan yang menganggap imposisi Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sistem pelajaran nasional dianggap sebagai imposisi kekuasaan Melayu tanpa memperhitungkan nilai-nilai konsep 'nation building'. Kebimbangan terhadap kekuasaan politik Melayu melalui Bahasa Melayu yang di'paksakan' ke atas sekolah-sekolah Cina inilah yang menyebabkan Penyata Fenn-Wu lebih mudah diterima oleh masyarakat Cina dari Penyata Barnes itu.

Kedua tokoh Fenn dan Wu lebih menekankan soal 'plurality' kebudayaan dari suku-suku bangsa yang dominan sebagai keujudan sejarah (by accident of history) tanpa mencari jalan keluar yang berkesan untuk mengujudkan satu rupabangsa nasional. Mereka juga melihat fenomena kebudayaan berbilang kaum dalam konteks Semenanjung yang sempit tanpa merujuk kepada konsep budaya serantau dan aspirasi nasionalisma serantau. Oleh itu penyata Fenn-Wu tidak dapat menyelesaikan masalah pelajaran nasional atau memberi suatu sudut pandangan yang optimistis ke arah matalamat nasional berdasarkan penilaian mereka terhadap pelajaran Cina itu.

Oleh kerana kedua penyata — Barnes dan Fenn-Wu mempunyai kelemahan-kelemahannya yang tertentu maka proses penggubalan sistem pelajaran nasional terpaksa dilaksanakan juga bagi sebuah negara yang diambang pintu kemerdekaan.

Lalu lahirlah Penyata Razak pada tahun 1956 yang terkenal itu. Penyata ini penting untuk dikaji oleh semua rakyat Malaysia yang inginkan dasar pelajaran nasional bagi seluruh rakyat tanpa mengira kaum. Dalam komiti

yang dipengerusikan oleh Dato' Abdul Razak bin Hussein, Menteri Pelajaran pada waktu itu, terdapat jemaah ahlinya dari berbagai kaum supaya mereka bersama-sama memerah otak dan pengetahuan bagi mencari satu 'formula' untuk mengujudkan dasar pelajaran kebangsaan.

Adalah penting kita mengetahui siapa-siapa yang menjadi anggota komiti ini kerana ada antara mereka yang telah menjadi juara kepentingan sesuatu kaum pula selepas ini demi kepentingan politik mereka sendiri. Semua sekali 14 orang dilantik menjadi ahli komiti ini. Mereka adalah terdiri dari:—

- 1) Dato' A. Razak Hussein — Pengerusi (Allahyarham)
- 2) En. Sulaiman bin Dato' Abdul Rahman (Allahyarham)
- 3) En. Abdul Aziz bin Hj A. Majid — Menteri Besar Selangor
- 4) En. Shamsuddin Nain — Menteri Besar Negeri Sembilan
- 5) En. Too Joon Hing — Tim. Menteri Pelajaran
- 6) En. A. Rahman Hj Talib (allahyarham) — Tim. Menteri Hasil Bumi
- 7) En. Goh Chee Yan
- 8) En. Zainal Abidin bin Sultan Mydin
- 9) Dr. Lim Chong Eu
- 10) En. Abdul Hamid Khan bin Hj Sakhawat Ali Khan (allahyarham)
- 11) En. Leung Cheung Ling
- 12) En. Mohd Ghazali Jawi
- 13) En. Mohd Idris bin Mat Sil
- 14) En. Lee Thean Hin

Rangka kerja yang diamanahkan kepada Jawatan-kuasa ini berbunyi:—

- a) "Memeriksa akan dasar pelajaran negeri Persekutuan Tanah Melayu yang ada sekarang dan mengesyorkan sebarang perubahan kepadanya atau mensesuaikan dengannya yang mana wajib, dengan tujuan hendak menubuhkan suatu peraturan pelajaran kebangsaan yang munasabah yang dapat diterima oleh orang-orang di dalam Persekutuan Tanah Melayu ini amnya dan yang dapat memenuhi kemahuan mereka sebagai suatu bangsa di dalam lapangan kebudayaan, masyarakat, ekonomi dan politik, dengan tujuan hendak menjadikan Bahasa Melayu ini Bahasa Kebangsaan negeri ini, dan dalam pada itu pula memelihara akan bahasa dan kebudayaan lain-lain bangsa yang diam di dalam negeri ini."
- b) Bagi maksud ini juga memeriksa akan susunan pelajaran negeri termasuklah sekali mana-mana perkara di dalam Undang-Undang Pelajaran tahun 1952 yang patut diubah atau disesuaikan dan langkah-langkah bagi melaksanakannya yang terkandung di dalam Surat Mesyuarat fasal dasar pelajaran No. 67 tahun 1954".

Memandangkan ketempangan yang terdapat dalam sistem pelajaran yang ujud sebelum dan semasa jawatan-kuasa tersebut maka satu cadangan telah dibuat untuk menyelaraskan sistem pelajaran kebangsaan dengan menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dari sekolah rendah hingga ke universiti sesuai dengan konsep perpaduan kaum melalui bahasa nasional tersebut.

Bab dua, fasal II dan 12 dalam Penyata Razak dengan jelas berpendapat:—

- 11) "Kami percaya iaitu mustahak bagi sekolah-sekolah kita berjiwa Tanah Melayu dan kami telah mencadangkan perkara ini boleh dapat

dicapai dengan jalan diadakan satu sukatan pelajaran yang sama bagi semua sekolah supaya semua murid-murid itu mempelajari semua jenis perkara pelajaran walaupun menggunakan lain-lain bahasa.

- 12) Kami percaya juga tujuan dasar pelajaran di dalam negeri ini ialah bermaksud hendak menyatukan budak-budak dari semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar, walaupun perkara ini tidak dapat dilaksanakan dengan serta merta melainkan hendaklah diperbuat dengan beransur-ansur."

Tujuan dan matalamat Dasar Pelajaran Kebangsaan ini sudah jelas dan diterima sebulat suara oleh semua ahli jawatankuasa tersebut dan telah pun dilaksanakan oleh kerajaan. Kesedaran kebangsaan yang berteraskan Bahasa Kebangsaan dalam sistem pelajaran negara telah diterima baik walaupun masih ada lagi golongan tertentu yang kurang berpuas hati dengan dasar tersebut.

Dalam mengkaji semula Penyata Razak itu satu penyata kajian semula sistem pelajaran di bawah Y.B. Encik Abdul Rahman Haji Talib telah ditubuhkan pada tahun 1960. Kali ini jawatankuasa penyemak terdiri dari lapan orang yang terdiri dari Menteri Pelajaran di waktu itu (Encik Abdul Rahman Hj Talib) Encik Khir Johari, Datuk Wong Pow Nee, Ketua Menteri Pulau Pinang, Capt Abdul Hamid Khan, En. V. Manikavasagam, En. Koh Kim Leng, Y.B. Encik Mohd Dahari bin Hj Mohd Ali dan Y.B. Encik Abdul Ghani Ishak.

Laporan Rahman Talib ini dengan jelas berkata dalam Bab 2, fasal 14 bahawa:—

"Pelajaran rendah dalam empat bahasa di negeri ini

adalah diberikan dalam bahasa pilihan ibu bapa masing-masing di sekolah-sekolah rendah yang mendapat bantuan penuh. Bantuan penuh bermakna semua perbelanjaan sekolah adalah tanggungan dari kewangan orang ramai. Dengan demikian keyakinan terhadap janji untuk mengekal dan mengembangkan keempat-empat bahasa dan kebudayaan itu terbukti sudah."

Lebih jauh lagi Penyata Rahman Talib ini berkata dalam fasal 20 tentang dasar pelajaran kebangsaan begini:—

"Adalah penting bagi kami untuk berkata bahawa dasar pelajaran yang 'boleh diterima oleh semua orang' bermakna satu dasar yang saksama untuk semua yang berkenaan khususnya saksama terhadap para murid, warganegara kita di masa depan. Adalah tidak mungkin, dalam rangka dasar yang benar-benar bersifat nasional, untuk memuaskan sepenuhnya kemahuan semua individu bagi setiap golongan kebudayaan dan bahasa di dalam negara. Kami percaya bahawa sistem sekarang ini yang memberikan pelajaran rendah dalam empat bahasa atas perbelanjaan wang orang ramai, dengan memberikan pengajaran Kuo Yu dan Tamil di sekolah-sekolah Inggeris dan Melayu yang mendapat bantuan kerajaan sekiranya permintaan dibuat oleh 15 orang ibu bapa kanak-kanak dari salah satu dari sekolah-sekolah itu, dan dengan keizinan untuk mengajar bahasa-bahasa dan kebudayaan-kebudayaan yang lain dari Melayu dan Inggeris di sekolah-sekolah menengah yang mendapat bantuan penuh adalah dianggap wajar dalam mengujudkan satu sistem kebangsaan Malaysia yang boleh memuaskan kehendak-kehendak dari berbagai orang."

Atas cadangan dan semakan yang dibuat oleh jawatankuasa penyemak maka dasar pelajaran kebangsaan

yang menuju pada matalamat integrasi kaum melalui Bahasa Malaysia diteruskan, dan dipersetujui oleh semua anggota dari berbilang kaum dalam komiti tersebut.

Nilai-nilai nasional yang terkandung dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan dan juga dalam Penyata Rahman Talib itu adalah dianggap wajar dalam konteks mencari identiti Malaysia. Justru itu ia tidak bisa dibandingkan dengan dasar pelajaran yang wujud di negara-negara jiran yang difikirkan hanya sesuai dalam konteks perkembangan dan hasrat negara-negara itu.

Kita mengakui tentang kesukaran untuk mengujudkan satu identiti Malaysia dalam waktu yang pendek namun usaha-usaha ke arah mencari nilai-nilai politik-budaya yang unik Malaysia perlu dibuat. Kita perlu mencari asas perpaduan kaum bukan saja dari segi satu bahasa nasional yang diterima umum seperti Bahasa Malaysia tetapi juga asas kebudayaan nasional yang seharusnya berdasarkan kebudayaan Melayu.

Memilih Bahasa Melayu sebagai bahasa nasional dan kebudayaan Melayu sebagai teras kebudayaan nasional seperti mana yang diisytiharkan dalam Kongres Kebudayaan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada tahun 1972 bukanlah bermakna "Malay supremacy" tetapi ini adalah kewajaran dalam konteks konsep kebudayaan yang lebih luas. Umum mengetahui bahawa kebudayaan Cina dan India itu sudah terkenal seluruh dunia namun itu tidaklah menjamin bahawa orang-orang Cina dan India tidak boleh menyesuaikan sikap hidup mereka dalam konteks kebudayaan tempatan apabila sebilangan besar dari mereka sudah mengaku negara ini sebagai tanah tumpah darah mereka satu-satunya.

Inilah dilemma budaya yang diperlihatkan oleh sebilangan besar orang Cina dan India yang menjadi golongan imigran di wilayah-wilayah di luar geo-politik Republik Rakyat Cina, Taiwan dan India. Mereka masih mengkagumi dan menghayati suatu dunia impian budaya

Cina dan India yang merangkumi sebahagian besar dari negara-negara yang didiami mereka seolah-olah negara-negara itu sebagai extensi dari kebudayaan Cina dan India dari negara leluhur mereka.

K.J. Ratnam dalam karangannya *Communalism and the Political Process in Malaya* menggambarkan sikap orang-orang bukan Melayu dengan jelas dalam soal bahasa dan kebudayaan. Katanya:

“Di samping menerima keinginan pelajaran yang berorientasi tempatan, orang-orang bukan Melayu masih terus mendesak tentang kebudayaan yang pluralisma. Mereka sanggup untuk menjadi orang Malaya (Malaysia) dari segi politik, tapi dari segi kebudayaan, mereka berazam untuk kekal sebagai orang Cina dan India. Dalam pengutaraan dasar kebudayaan yang pluralisma, orang-orang bukan Melayu membantah dan menganggap tidak berasas meminta mereka diresapkan ke dalam kebudayaan Malaya (Malaysia) oleh kerana kebudayaan itu masih lagi dalam proses mencari-cari. Justru itu mereka berpendapat bahawa apa yang diperlukan dari mereka bukanlah affiliasi ke dalam kebudayaan Malaya tetapi sebaliknya ‘menyerah diri’ kepada kebudayaan Melayu. Ini secara otomatis ditolak oleh mereka kerana mereka menganggap kebudayaan mereka adalah lebih tinggi dari kebudayaan Melayu.” (h. 136)

Sikap angkuh terhadap ‘kebesaran’ kebudayaan sendiri menyebabkan mereka menjadi golongan yang terasing, dicurigai, dimusuhi dan dijadikan ‘mangsa’ bagi setiap pergolakan politik di negara-negara di mana golongan imigran Cina dan India merupakan golongan minoriti yang berpengaruh. Setiap usaha mereka yang jujur acapkali bisa disalahtafsirkan oleh anak-anak pribumi sebagai ancaman terhadap mereka — baik dari segi politik, ekonomi, sosial maupun pelajaran bilamana terdapat jurang pengertian kebudayaan yang luas antara golongan imigran dengan anak-anak pribumi.



Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj tokoh politik yang banyak menyumbangkan jasa dan terkenal kerana sifat liberalismenya.



Tun Abdul Razak (allahyarham), Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Banyak menghadapi gugatan dan gigitan dalam politik tanah air — antaranya tentang Universiti Merdeka.

Gambar: DBP.



En. Khir Johari, bekas Menteri Pelajaran, yang dianggap liberal dalam sikap politikanya. Di zamannya Kolej Tengku Abdul Rahman ditubuhkan.

Gambar: DBP.



Datuk Musa Hitam, Menteri Pelajaran Malaysia yang menjadi tokoh yang kontroversial dewasa ini kerana sikapnya tentang Universiti Merdeka. Apakah beliau akan berganjak dari sikap yang diambilnya selepas ini?

Gambar: DBP.




Datuk Lee San Choon, Presiden MCA, dan menteri dalam kabinet Datuk Hussein Onn. Apakah beliau dapat mententeramkan emosi ahli-ahli MCA tentang Universiti Merdeka ini?

Gambar: DBP.



Dr. Goh Cheng Teik, orang kuat Gerakan, yang juga menimbulkan kontroversi tentang Universiti Merdeka. Dalam bukunya Integration in a Plural Society beliau menyeru orang-orang Cina berdialog dengan pemimpin-pemimpin Melayu yang 'moderate'. Apakah orang-orang Melayu juga tidak inginkan pemimpin-pemimpin Cina yang 'moderate'?

Gambar: DBP.



Dr Lim Chong Eu, Ketua Menteri P. Pinang, bekas Presiden MCA, kini menjadi Presiden Gerakan. Pernah memperjuangkan kepentingan pelajaran & bahasa Cina tapi kini sudah jadi sahabat dalam Barisan Nasional.



Tan Sri Datuk (Dr) Syed Nasir Ismail yang terkenal sebagai 'Panglima Bahasa' menjadi tokoh kontroversial dalam perjuangan mendaulatkan Bahasa Kebangsaan.

Gambar: DBP

Kini sudah jelas sikap politik kebudayaan dari partai politik Cina — DAP. Lim Kit Siang dalam "The big cultural debate" dengan Syed Naguib Al-Attas, yang pada waktu itu menjadi salah seorang tokoh dalam Gerakan, antara lain memberi garis perjuangan politik kebudayaan DAP seperti berikut:—

- 1) Bahasa: menerima Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan di samping itu mengamalkan multi-lingualisma dalam urusan rasmi.
- 2) Pelajaran: satu sistem pelajaran yang disatukan dengan menggunakan berbagai bahasa pengan-tar dan juga dalam peperiksaan.
- 3) Kebudayaan: mengamalkan kebudayaan yang penuh dan bebas dengan segala keragaman dan kelainannya asalkan ia berunsur Malaysia.

Lebih lanjut lagi Lim Kit Siang berkata: "Kami menolak pemikiran 'satu negara, satu bahasa'. Dalam sebuah negara berbilang kaum seperti Malaysia, setiap usaha untuk memaksakan satu standardisasi bahasa tidak akan membawa perpaduan nasional. Sebaliknya ia akan memecahbelahkan perpaduan kebangsaan dengan menimbulkan penentangan di kalangan orang-orang yang menganggap bahasa-bahasa mereka diancam oleh paksaan tersebut." (h. 89)

(sumber: *Who Lives If Malaysia Dies? The DAP's Case for a Multi-racial Society*, DAP, April 1969)

Apa yang diperjuangkan oleh DAP tentang pelajaran dan kebudayaan Cina merupakan sebagai satu fron oposisi yang didukung oleh sebilangan besar orang-orang Cina walaupun setengah dari mereka menjadi ahli-ahli partai-partai lain seperti Gerakan, MCA dan PPP misalnya. Pemimpin-pemimpin Cina sedar bahawa mereka akan hilang pengaruh politik sekiranya mereka terlalu banyak 'bertolak ansur' berkenaan dengan soal pelajaran dan kebudayaan Cina. Oleh itu tidaklah hairan

kalau kita dapati bahawa ada pemimpin-pemimpin MCA dan Gerakan yang terpaksa 'bermuka dua' dalam soal bahasa dan pelajaran Cina.

Saya memberi contoh Dr. Lim Chong Eu, Ketua Menteri Pulau Pinang sekarang. Pada tahun 1958 perjuangan kaum Cina dalam MCA menjadi genting apabila golongan muda ingin menyingkir Tan Cheng Lock dari kepimpinan partai politik itu oleh kerana beliau dianggap terlalu 'lembut' untuk memperjuangkan kepentingan Cina. Dr. Lim Chong Eu pada waktu itu menjadi pengurus jawatankuasa kecil politik MCA dan Tan Joon Hing sebagai setiausaha agung MCA. Dr. Lim berjaya menyingkirkan Tan Cheng Lock sebagai Presiden MCA dalam mesyuarat agung partai tersebut pada 23hb Mac 1958.

Dalam satu pertemuannya di Ipoh Dr. Lim berkata, "Keinginan hakiki orang Cina di Malaya ialah pertama, kami mahu hak yang sama di negeri ini. Kedua, kami mahukan jaminan untuk mengekalkan cara hidup kami sendiri, bahasa kami dan sekolah kami. Ketiga, kami menyatakan harapan agar kami akan memperolehi kemajuan ekonomi dan juga kesamaan hak di bidang ekonomi."

(sumber: R.K. Vasil, *The Malaysian General Elections of 1969*, OUP, 1972, h. 4)

Sebagai gerakan dari perjuangan pelajaran Cina di bawah pimpinan Dr. Lim Chong Eu Jawatankuasa Kerja Pusat MCA antara lain mendesak "iaitu Manifesto Perikatan hendaklah menyatakan dengan jelas niatnya untuk menyemak semula dasar pelajaran supaya bahasa dalam peperiksaan untuk sekolah-sekolah Cina mestilah dalam bahasa pengantar di sekolah-sekolah tersebut". (h. 4-5, dlm. Vasil)

Aneh juga bagi orang seperti Dr. Lim Chong Eu mencari modal politiknya dari issue dasar pelajaran kebangsaan yang beliau sendiri menjadi salah seorang ahli jawatankuasa Penyata Razak, dan menyetujui semu:

cadangan dalam Penyata tersebut pada tahun 1956. Begitu juga dengan rakan separtainya, Too Joon Hing yang pernah menjadi Timbalan Menteri Pelajaran dan juga salah seorang ahli jawatankuasa Razak tersebut.

Inilah hakikat politik kebanyakan politisyen Cina yang terpaksa kembali ke dalam dunia kebudayaan bangsanya demi 'survival' politiknya. Walaupun Dr. Lim Chong Eu kini menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang di bawah lambang Dacing namun sejarah perjuangannya sejak menjadi Presiden MCA pada tahun 1958 masih tetap menjadi bahan sejarah yang penting untuk mereka yang ingin menyoroti sepak terajang politik tokoh-tokoh Cina dalam politik Malaysia.

Kini kita dapati tokoh-tokoh Gerakan dan MCA bersama-sama dengan DAP mengungkit semula tentang dasar pelajaran kebangsaan walaupun cara mereka agak berlainan antara satu dengan lain. Memang terasa kepada orang-orang Melayu bahawa golongan Cina cuba merancang strategi politik mereka melalui berbagai cara yang dianggap paling berkesan untuk menimbulkan 'public opinions' yang pro mereka.

Di satu pihak kita dapati tokoh-tokoh MCA dan Gerakan menggunakan kedudukan mereka dalam Barisan Nasional untuk menyuarakan hasrat kaum mereka sebagai keluarga besar Barisan Nasional. Cara begini mungkin dianggap lebih berkesan kerana mereka di pihak parti yang memerintah. DAP selaku parti oposisi membuat bising dalam Parlimen dan juga melalui kenyataan-kenyataan akhbar serta ceramah-ceramah mereka untuk 'membuktikan' bahawa orang-orang Cina benar-benar 'terancam' di bidang politik, ekonomi, pelajaran dan kebudayaan.

Melalui kempen-kempen DAP untuk memperjuangkan multi-lingualisma, pelajaran serta kebudayaan Cina naka momentum untuk mengungkit-ungkit masalah-masalah dalam pelajaran, ekonomi serta politik terus'

menerus diperhebatkan. Hasrat orang-orang Cina itu terus menerus dihidupkan walaupun ada partai-partai Cina yang menganggotai kabinet sejak dahulu hingga sekarang. Perpaduan Cina seumpama inilah yang menyebabkan ikatan perjuangan mereka menjadi lebih terjamin, dan sedikit demi sedikit mendapat perhatian pula di kalangan tertentu dalam kerajaan.

Mereka tahu bahawa pihak kerajaan telah melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan itu sejak tahun 1956 dan sistem pelajaran sekarang sudah pun menjurus kepada pengantar Bahasa Malaysia hingga ke peringkat universiti. Mereka sedar adalah mustahil bagi kerajaan untuk merombak semula Dasar Pelajaran Kebangsaan untuk menjadikan bahasa Cina dan Tamil sebagai bahasa pengantar di sekolah menengah dan universiti di sini. Namun mereka dengan gigih dan tak jemu-jemu meneruskan juga desakan itu untuk memperlihatkan 'ketidakadilan' dalam pelaksanaan dasar tersebut bagi orang-orang Cina.

Mereka ingin menunjukkan kepada umum bahawa melalui Dasar Pelajaran Kebangsaan itu bahasa dan kebudayaan Cina akan terhapus kelak. Kebimbangan yang direka-reka ini hanya untuk konsumsi politik dalam negeri dan juga untuk luar negeri supaya imej kerajaan Malaysia tercemar.

Bagi orang yang berpengetahuan tentang dinamisme sesuatu kebudayaan dan bahasa tidak akan mudah terpengaruh dengan propaganda bahawa kebudayaan dan bahasa Cina akan terhapus di muka bumi Malaysia ini dengan alasan bahasa Cina tidak menjadi bahasa pengantar di sekolah menengah dan universiti. Kebudayaan dan bahasa sesuatu bangsa akan terus berkembang dan dipakai selagi bangsa itu ingin terus memajukannya dalam kehidupan sehari-hari. Memandangkan dari perkembangan persuratkhabaran Cina, perdagangan dan persatuan-persatuan bangsa Cina yang pesat dewasa ini

adalah tidak meyakinkan bahawa kebudayaan dan bahasa Cina akan terhapus kelak.

Pada hemat kami golongan minoriti di Malaysia juga mendapat perlindungan dalam Perlembagaan Negara di mana toleransi dalam agama dan lain-lain masih dipertahankan. Orang-orang imigran masih boleh meneruskan cara hidup mereka tanpa mendapat halangan dari pihak pribumi untuk meneruskan adat resam serta kegiatan kebudayaan mereka yang asing itu. Boleh jadi golongan minoriti di setengah negara-negara Asia-Afrika dan juga di Eropah tidak mendapat layanan yang begitu baik seperti di Malaysia ini.

Oleh itu timbul pertanyaan kepada kita: mengapa orang-orang Cina mendesak supaya kerajaan membenarkan penubuhan Universiti Merdeka yang akan menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa utamanya? Kalau mereka sedar kerajaan tidak akan meluluskan permintaan mereka mengapa issue Universiti Merdeka terus diapi-apikan oleh MCA, Gerakan dan DAP?

Universiti Merdeka sengaja dibesar-besarkan oleh setengah pemimpin politik Cina untuk menyedarkan bangsa Cina tentang 'political force' yang ada pada mereka sekarang setelah 21 tahun merdeka. Mereka harus mencari sesuatu issue yang emosional dan bersifat kebudayaan kerana ini lebih mudah untuk mempengaruhi golongan Cina dari berbagai lapangan hidup untuk menyokong issue yang ditimbulkan itu. Mereka juga sedar bahawa setelah 21 tahun merdeka mereka telah mencapai kedudukan politik, ekonomi, sosial dan pelajaran yang cukup baik walaupun konsep Bumiputra menjadi slogan perjuangan orang-orang Melayu dan kerajaan.

Mereka juga menyedari bahawa kedudukan ekonomi dan 'know-how' mereka yang baik di bidang perusahaan dan perniagaan menyebabkan kedudukan mereka amat penting di samping kaum pedagang asing yang menanam modal dan mencari keuntungan di sini. Seboleh-bolehnya mereka ingin mempertahankan kedudukan mereka dari

segi ekonomi dan perniagaan kerana kekuatan di bidang ini akan dapat mempengaruhi politik nasional juga.

Kebimbangan mereka jadi semakin ketara bilamana Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat menyebabkan banyak kaum Bumiputra memasuki wilayah ekonomi dan perniagaan yang kononnya dianggap sebagai 'birth right' kaum Cina dan kolonial. Sekiranya orang-orang Melayu menjadi kuat di bidang ekonomi dan perusahaan maka perjuangan politik mereka akan lebih berkesan lagi, dan kekuatan ekonomi ini akan menjamin generasi Melayu pada masa depan dalam berbagai bidang hidup kelak.

Orang-orang Cina juga menjadi semakin lantang menyuarakan hasrat pelajaran dan kebudayaan Cina bilamana mereka menyedari jumlah mereka yang ramai di negara ini. Dr. Goh Cheng Teik dalam bukunya *Integration in a Plural Society* secara tersirat ingin menunjukkan kekuatan penduduk Cina sejak Merdeka agar para pembaca menyedari kekuatan yang tersembunyi dari jumlah penduduk Cina di sini.

Saya kemukakan statistik penduduk yang diberikan oleh Dr. Goh Cheng Teik untuk pengetahuan pembaca.

Statistik A

MALAYA TANPA SINGAPURA (1947)

Melayu	2,427,834	49.5%
Cina	1,884,534	38.4%
India	530,638	10.8%
<hr/>		
Jumlah semua (termasuk lain-lain bangsa)	4,908,086	100.0%

Dari perangkaan di atas jelas menunjukkan jumlah kaum Bumiputra tidak sampai 50% dari jumlah semua

Statistik B

PENDUDUK-PENDUDUK MALAYSIA (1963)

	<i>Melayu</i>	<i>Bumiputra lain</i>	<i>Cina</i>	<i>India</i>	<i>Lain-Lain</i>	<i>Jumlah</i>
Malaya	3,865,200	—	2,740,121	811,047	107,074	7,523,442
Singapura	257,200	—	1,369,300	132,000	36,500	1,795,000
Sarawak	4,122,400	—	4,109,421	943,047	143,574	9,318,442
Sabah	144,419	370,373	250,619	—	50,413	815,824
	144,419	335,146	116,786	—	58,586	510,518
		705,519	367,405	—	108,999	1,326,342
Malaysia (1963)	4,266,819	705,519	4,476,826	943,047	252,573	10,644,784
Malaysia (1963) menurut %	40.1	6.6	42.1	8.8	2.4	100.00

penduduk-penduduk di Semenanjung. Dengan kata lain, sekiranya terdapat perpaduan antara semua orang-orang bukan Melayu di Semenanjung maka mereka boleh menjadi golongan yang lebih dominan dalam politik di negara ini. Secara tersirat statistik ini ingin menunjukkan kepada orang-orang Melayu bahawa 'dongeng' tentang majoriti mereka adalah sebenar-benarnya dongeng.

Dari Statistik B di sebelah jelas menunjukkan bahawa Cina mempunyai 42.1% dari keseluruhan jumlah penduduk, dan Melayu hanya 40.1%. Dengan kata lain, sekiranya Singapura masih wujud dalam Malaysia maka ini bererti Cina merupakan golongan majoriti dalam Malaysia! Politik dari segi statistik ini akan memberi ilham bagi kaum Cina untuk mendesak lebih banyak lagi perkara-perkara yang masih belum diperolehi mereka berdasarkan jumlah mereka yang ramai itu. Dan sekiranya demokrasi jalan terus maka bererti 'power game' antara Melayu dan Cina akan menjadi bertambah hebat dari sekarang dan masa depan.

Statistik 3

PENDUDUK-PENDUDUK MALAYSIA (1970)

Melayu	4,859,716	47.1%
Cina	3,495,977	33.9%
India	933,250	9.0%
Iban	357,202	3.5%
Kadazan	183,574	1.8%
Bumiputra Borneo yang lain	337,758	3.3%
Lain-lain	151,847	1.4%
Jumlah semua	10,319,324	100.0%

Dalam konteks politik Malaysia tanpa Singapura Melayu hanya berjumlah 47.1% sahaja — kurang dari

separuh jumlah untuk seluruh penduduk Malaysia kalau tidak dimasukkan jumlah Bumiputra lainnya dari Sabah dan Sarawak. Bila dimasukkan peratus Bumiputra lain dari Sabah dan Sarawak maka jumlah Bumiputra semuanya ialah 55.7% — satu jumlah penduduk yang tidak boleh dianggap terlalu menggirangkan.

Dalam masa 31 tahun (dari 1947 — 1978) sudah nampak sekali bahawa perkembangan penduduk di Malaya/Malaysia memperlihatkan satu trend yang menurun bagi kaum Bumiputra. Golongan kaum Cina pula kian berkembang dan kini menjadi satu 'force' yang terkuat dalam 'power game' di Malaysia. Dengan adanya kempen keluarga berencana yang lebih banyak ditekankan kepada orang-orang Melayu menyebabkan jumlah Melayu akan kian berkurangan lagi, dan ini mempunyai implikasi politik kelak. Melihat dari kebanyakan keluarga Cina dapat dikatakan bahawa rancangan keluarga berencana tidak mendapat sambutan yang menggalakkan dari mereka.

'Power game' dalam politik ini perlu juga disoroti dari jumlah warganegara baru yang berasal dari bangsa Cina. Menurut Ratnam pada tahun 1950 terdapat 2,011,072 orang Cina dan 564,454 orang India/Pakistan berbanding dengan 2,579,914 orang Melayu. Dari jumlah ini dianggarkan yang menjadi warganegara Malaya ialah $\frac{1}{2}$ juta orang Cina dan 230,000 orang India dan lain-lain berbanding dengan $2\frac{1}{2}$ juta dari orang Melayu.

Melalui inisiatif Governor-Jeneral, Malcolm MacDonald dan Jawatankuasa Perhubungan Kaumnya, satu undang-undang kerakyatan baru telah diluluskan oleh Dewan Undangan Federal. Satu kerakyatan untuk United Kingdom dan tanah jajahannya dan sembilan kerakyatan negeri (sembilan negeri-negeri Melayu) diciptakan. Melalui undang-undang kerakyatan yang baru ini adalah dianggarkan 4,139,000 orang telah mendapat kerakyatan warganegara/negeri. Dari jumlah ini Melayu ialah

2,727,000 orang, Cina 1,157,000 dan India/Pakistan 222,000 dan lain-lain 33,000 orang. Anggaran ini adalah pada bulan Jun 1953. Selepas adanya perjanjian antara pemimpin-pemimpin UMNO, MCA dan MIC dalam wadah Perikatan jumlah warganegara Cina dan lain-lain bangsa turut bertambah.

Kerajaan Perikatan telah bermurah hati untuk memberikan kerakyatan kepada orang-orang bukan Melayu kepada setiap bayi yang lahir pada dan selepas Hari Merdeka pada 31hb Ogos 1957. Orang asing yang lahir sebelum Hari Merdeka tetapi telah tinggal lima tahun sebelum Hari Merdeka dari jumlah waktu selama 10 tahun boleh menjadi warganegara di sini dengan hanya mengetahui sedikit sahaja pengetahuan dalam Bahasa Malaysia. Menurut Dr. Goh Cheng Teik sejak tahun 1970 hanya 176,799 (5.7%) sahaja dari jumlah orang Cina seramai 3,117,896 yang tinggal di Malaysia masih lagi belum mendapat surat kerakyatan lagi.

Setelah mengetahui kedudukan orang Cina dari segi jumlah penduduk dan kerakyatan yang diperolehi oleh mereka kini kita lihat pula penyebaran orang-orang Cina dan orang-orang Melayu dalam sebelas buah negeri di Semenanjung seperti dalam halaman 55 - 58.

**PENDUDUK YANG DIUNJURKAN DAN PERATUS DISTRIBUSI
MENGIKUT NEGERI DAN KAUM: 1970, 1975 DAN 1980**

Negeri dan Kaum	1970		1975		1980	
	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%
SEMENANJUNG	8,809,557	100.0	10,062,479	100.0	11,554,877	100.0
Melayu	4,671,874	53.0	5,365,918	53.3	6,181,517	53.5
Cina	3,131,320	35.6	3,554,809	35.3	4,064,992	35.2
India	936,341	10.6	1,061,127	10.6	1,216,044	10.5
Lain-lain	70,022	0.8	80,625	0.8	92,324	0.8
JOHOR	1,277,180	100.0	1,463,645	100.0	1,690,433	100.0
Melayu	680,976	53.3	783,406	53.5	905,261	53.5
Cina	504,207	39.5	576,034	39.4	665,751	39.4
India	85,798	6.7	97,057	6.6	111,241	6.6
Lain-lain	6,199	0.5	7,148	0.5	8,180	0.5
KEDAH	954,947	100.0	1,073,567	100.0	1,208,178	100.0
Melayu	673,684	70.6	761,740	70.9	860,297	71.2
Cina	184,749	19.3	205,061	19.1	228,404	18.9
India	81,009	8.5	88,948	8.3	98,909	8.2
Lain-lain	15,506	1.6	17,818	1.7	20,568	1.7
KELANTAN	684,738	100.0	766,862	100.0	855,939	100.0

	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%
Melayu	632,750	92.4	708,817	92.4	790,766	92.4
Cina	38,741	5.7	43,596	5.7	49,336	5.8
India	5,829	0.8	6,324	0.8	6,910	0.8
Lain-lain	7,418	1.1	8,125	1.1	8,927	1.0
MELAKA	404,125	100.0	457,302	100.0	520,679	100.0
Melayu	209,144	51.7	237,480	51.9	271,343	52.1
Cina	160,260	39.7	179,233	39.2	201,442	38.7
India	31,833	7.9	36,906	8.1	43,188	8.3
Lain-lain	2,888	0.7	3,683	0.8	4,706	0.9
N. SEMBILAN	481,563	100.0	549,312	100.0	631,953	100.0
Melayu	218,002	45.3	253,751	46.2	298,098	47.2
Cina	183,643	38.1	204,307	37.2	228,417	36.1
India	77,823	16.2	88,744	16.1	102,524	16.2
Lain-lain	2,095	0.4	2,510	0.5	2,914	0.5
PAHANG	504,945	100.0	612,065	100.0	747,171	100.0
Melayu	308,081	61.0	376,444	61.5	462,309	61.9
Cina	158,272	31.4	188,728	30.8	226,880	30.4
India	36,871	7.3	44,970	7.4	55,755	7.4
Lain-lain	1,701	0.3	1,923	0.3	2,227	0.3
P. PINANG	776,124	100.0	864,771	100.0	968,220	100.0

	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%
Melayu	237,253	30.6	262,600	30.4	291,703	30.1
Cina	436,745	56.3	486,862	56.3	545,340	56.3
India	89,673	11.5	101,202	11.7	115,498	12.0
Lain-lain	12,453	1.6	14,107	1.6	15,679	1.6
PERAK	1,569,139	100.0	1,750,405	100.0	1,955,662	100.0
Melayu	674,757	43.0	755,403	43.1	843,878	43.1
Cina	666,414	42.5	739,965	42.3	824,477	42.2
India	223,518	14.2	249,820	14.3	281,269	14.4
Lain-lain	4,450	0.3	5,217	0.3	6,038	0.3
PERLIS	121,062	100.0	133,183	100.0	146,608	100.0
Melayu	95,699	79.0	105,008	78.8	115,146	78.5
Cina	19,847	16.4	21,860	16.4	24,178	16.5
India	2,493	2.1	2,862	2.2	3,310	2.3
Lain-lain	3,023	2.5	3,456	2.6	3,974	2.7
SELANGOR	1,630,366	100.0	1,922,932	100.0	2,288,784	100.0
Melayu	562,175	34.5	682,686	35.5	836,198	36.5
Cina	755,863	46.4	883,494	46.0	1,041,189	45.5
India	298,627	18.3	340,814	17.7	393,127	17.2
Lain-lain	13,701	0.8	15,938	0.8	18,270	0.8
TRENGGANU	405,368	100.0	468,435	100.0	541,250	100.0

	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%
Melayu	279,353	93.6	438,586	93.6	506,518	93.6
Cina	22,579	5.6	25,669	5.5	29,578	5.5
India	2,847	0.7	3,480	0.7	4,313	0.8
Lain-lain	589	0.1	700	0.2	841	0.1

Dari segi penyibaran penduduk-penduduk di atas nyata kepada kita bahawa kaum Cina sudah mempunyai jumlah majoriti di dua buah negeri iaitu Pulau Pinang (56.3%) dan Selangor (46.4%) dan di Perak pula jumlah penduduk Cina dan Melayu agak sama banyak iaitu 43% Melayu dan 42.5% Cina. Kedudukan mereka adalah kuat kerana ketiga-tiga negeri ini merupakan negeri-negeri yang paling maju sekali kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Memang ada cita-cita besar dari DAP menguasai kerajaan negeri dalam ketiga-tiga buah negeri tersebut. Walaupun usahanya gagal dalam pilihanraya yang baru lalu ini tidaklah bermakna mereka akan terus keciwa selama-lamanya. Dengan kata lain, majoriti yang ujud dalam ketiga buah negeri ini memberi dorongan moral yang cukup kuat bagi orang-orang Cina untuk mendesak supaya issue seperti Universiti Merdeka ini diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh kerajaan Barisan Nasional. Inilah strategi politik yang akan selalu digunakan oleh DAP sebagai oposisi dan MCA serta Gerakan dalam Barisan Nasional untuk beberapa pilihanraya yang akan datang.

Perpaduan di kalangan orang-orang Cina untuk mendesak supaya kepentingan kaum mereka diberi perhatian yang lebih wajar adalah didorong oleh kekuatan penduduk dan kewarganegaraan yang ramai dari golongan mereka. Mereka cukup sedar bahawa tanpa perpaduan antara mereka besar kemungkinan perkembangan politik dan ekonomi yang lebih menguntungkan mereka tidak akan tercapai. Sesuai dengan tradisi bangsa Cina yang pentingkan pelajaran, kebudayaan dan bahasa mereka menjadikan issue Universiti Merdeka ini sebagai issue yang dianggap boleh menyatupadukan berbagai golongan Cina di tanahair.

Kini sudah jelas tokoh-tokoh politik dari MCA, Gerakan dan DAP bekerjasama dan mempunyai saling pengertian dalam soal Universiti Merdeka. Walaupun ketiga-tiga partai tersebut seolah-olah mempunyai fal-

safah politik mereka yang berlainan antara satu dengan lain, tetapi pada hakikatnya mereka masih belum terlepas dari belenggu ikatan kecinaan dalam issue Universiti Merdeka ini.

Universiti Merdeka adalah satu issue yang ada kaitannya dengan tuntutan-tuntutan politik lainnya. Banyak orang Cina yang kurang senang dengan sikap kerajaan yang pro Bumiputra sehingga ada antara mereka yang menganggap bukan Melayu sebagai "warganegara kelas dua" di Malaysia ini. Gambaran negatif ini juga mendapat sambutan dalam press asing yang disogok oleh orang-orang tertentu untuk mendapatkan simpati dari dunia luar.

Mungkin ada antara rakyat Malaysia yang meng-kagumi kerajaan Lee Kuan Yew kerana dasar politiknya yang mementingkan rakyat Singapura itu. Sungguhpun suara penentangan terhadap kerajaan PAP tidak ada namun pembangunan yang pesat di bawah pemerintahan Lee Kuan Yew menyebabkan orang terpukau dengan cara pemerintahan PAP. Tambahan pula Singapura melaksanakan konsep multi-lingualisme yang secara langsung memberi dan memperkukuhkan status bahasa Inggeris dan Mandarin. Sungguhpun pada suatu waktu Lee Kuan Yew cuba menyekat perkembangan pelajaran tinggi melalui bahasa Cina oleh kerana beliau bimbang tentang pengaruh komunis melalui sekolah-sekolah Cina di Singapura, namun setelah berhasil menumpas gerakan komunis bawah tanah, Lee Kuan Yew kembali ke dalam pelukan aspirasi orang-orang Cina dengan memberikan status yang lebih baik terhadap bahasa Mandarin itu.

Pada hemat kami adalah kurang wajar untuk membandingkan Singapura dengan Malaysia dari segi apa pun juga bilamana kemajuan dan pembangunan serta kekuasaan politik dimonopoli oleh satu bangsa yang majoriti seperti Singapura. Perkongsian hidup politik seperti di Malaysia antara berbagai kaum kurang dirasakan di Singapura. Tambahan pula ia adalah 'an island republic'

yang mudah ditadbir dan tidak hairanlah kalau ia dijadikan negara 'show piece' di Asia.

Sekiranya pemimpin-pemimpin Cina di Malaysia ingin menjadikan Malaysia sebagai Singapura kedua, atau menjadikan salah sebuah negeri di Semenanjung maupun di Sabah dan Sarawak sebagai 'Singapura dalam rancangan' maka besar kemungkinan ketegangan kaum seperti peristiwa Mei 13 akan berlaku lagi. Tentulah tidak ada manusia yang siuman yang inginkan satu trajedi nasional seperti itu, tapi tidak pula kita mungkiri bahawa dalam sejarah hidup manusia masih kedapatan tokoh-tokoh politik yang kurang bertanggungjawab dalam menentukan sejarah negara.

BAB KETIGA

MASALAH PELAJARAN CINA: TIME BOMB IN MALAYSIA?

Lim Kit Siang, setiausaha agung DAP, memperlihatkan betapa tidak senangnya partai yang majoriti Cina itu terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan Barisan Nasional sekarang. Rakaman suaranya di Parli-
men yang menyentuh berbagai issue politik, ekonomi, pelajaran dan kebudayaan inilah yang dihimpunkan dalam bukunya — *Time Bomb in Malaysia*.

Kita menghormati setiap suara yang membawa oposisi sihat dalam sistem demokrasi ala Malaysia kerana kita masih menghargai nilai-nilai manusia dan kemanusiaan dalam masyarakat, apalagi dalam konteks masyarakat majmuk seperti Malaysia ini. Namun demikian kita juga kurang senang kalau oposisi terhadap sistem yang ujud hanya lebih memberatkan kepentingan suatu kaum tertentu seperti soal bahasa dan pelajaran Cina yang kini dengan gairahnya diperjuangkan oleh DAP dengan kerjasama dengan tokoh-tokoh MCA dan Gerakan.

Setiap langkah yang dibuat oleh partai-partai bukan Melayu untuk mendesak kerajaan bagi menerima konsep pelajaran yang tidak menggunakan bahasa pengantar Bahasa Malaysia akan membawa akibat buruk dari segi politik UMNO. Sejak UMNO ditubuhkan pada tahun 1946 hingga kini kekuatan tulang belakangnya adalah terdiri dari guru-guru Melayu walaupun pucuk pimpinannya terdiri dari mereka yang berpendidikan Inggeris. Tidak

ada seorang menteri Melayu dalam UMNO yang sanggup jadi tidak populer dalam partainya sekiranya ia cuba menjadi seorang tokoh yang terlalu liberal-minded, terlalu kosmopolitan. Khir Johari pernah mengalami kemarahan kaum guru Melayu sewaktu beliau menjadi menteri pelajaran dahulu. Akibatnya populariti UMNO merosot dan Kelantan dan Trengganu jatuh ke tangan PAS pada tahun 1959.

UMNO tidak banyak berubah sejak 1946 hingga kini walaupun pucuk pimpinannya berubah dari seorang tokoh bangsawan kepada seorang pentadbir dan kini kepada seorang peguam. Orang seperti Sulaiman Palestin banyak dalam UMNO walaupun mereka tidak selantang Sulaiman Palestin untuk menggugat pucuk pimpinan UMNO. Tapi bila suara-suara sumbang bergema memecah di kolong langit Malaysia untuk mendesak sesuatu yang dianggap keterlaluan maka pucuk pimpinan UMNO juga akan turut mendapat gugatan dan gigitan dari kebanyakan ahli-ahlinya.

Tan Sri Ghazali Shafie, 'intellectual politician' UMNO pernah berkata dalam bukunya *Malaysia: Nilai Politik dan Budaya* antara lain menyebut:— "UMNO saja yang boleh menjamin perjuangan satu-satu masyarakat seperti masyarakat orang bertiga di pulau iaitu keselamatan dan ekonomi yang menentukan kesejahteraannya. Selagi UMNO berupa teras politik negara maka orang Melayu, walaupun dia bukan anggota UMNO, berada tenteram. Dan selagi orang Melayu berasa tenteram maka bangsa-bangsa lain berasa terjamin. Dan ini semua akan membawa kepada kestabilan negara yang boleh membangun dengan tidak ada hadnya." (h. 77) Sikap yang sama juga pernah disuarakan oleh menteri-menteri lain dalam UMNO termasuk Datuk Hussein Onn sendiri.

Pucuk pimpinan dalam Barisan Nasional yang bukan UMNO juga menyedari kedudukan UMNO dalam politik Malaysia di mana kekuatan UMNO adalah satu 'force' yang menentukan garis perjuangan dan tindakan politik

untuk negara ini. Sungguhpun ada saingan partai Melayu yang terkuat untuk menjadi pelindung orang-orang Melayu — iaitu PAS, namun setakat ini UMNO tetap menjadi pelindung utama yang dipilih oleh bangsa Melayu. Umum berpendapat pucuk pimpinan UMNO lebih toleran terhadap kepentingan bukan Melayu sejak Tunku hinggalah sekarang, dan ini menunjukkan kebanyakan orang Melayu adalah toleran sifatnya.

Issue Universiti Merdeka yang sedang hangat diperbincangkan sekarang boleh menimbulkan krisis dalam Barisan Nasional sekiranya pemimpin-pemimpin MCA dan Gerakan kurang arif dalam menghayati toleransi pemimpin-pemimpin UMNO ini. Desakan dari kedua partai dalam Barisan ini akan dianggap sebagai mencabar ketokohan Hussein Onn selaku Perdana Menteri yang cuba meneruskan Dasar Pelajaran Kebangsaan itu. Datuk Hussein Onn dan Datuk Seri Dr. Mahathir sedar di samping memperjuangkan cita-cita nasional mereka juga terpaksa tunduk kepada desakan-desakan ahli-ahli UMNO di mana mereka adalah pemimpin-pemimpin yang dipilih.

Kita percaya issue Universiti Merdeka ini tidak akan dilayan oleh Hussein Onn dan Dr. M. Mahathir kerana kejujuddannya adalah bertentangan dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan dan juga bercanggah dengan matalamat negara dari segi integrasi kaum melalui satu bahasa rasmi sahaja.

Sekiranya Datuk Hussein Onn dan Dr. Mahathir tunduk pada desakan MCA, Gerakan dan DAP dalam soal ini maka besar kemungkinan mereka juga turut hancur dalam arena politik UMNO.

Memang banyak pelajar-pelajar HSC/STP yang tidak dapat tempat di lima buah universiti dalam negeri ini termasuk juga pelajar-pelajar Bumiputra sendiri. Bahawa

75% dari kemasukan para pelajar universiti terdiri dari kaum Bumiputra tidaklah bermakna bahawa semua Bumiputra bisa diterima dengan tangan terbuka untuk mendapat pelajaran tinggi. Kalau timbul soal tidak adil dalam pemilihan pelajar-pelajar ke universiti oleh kalangan bukan Melayu maka pelajar-pelajar Bumiputra yang tidak bernasib baik juga perlu juga diambil perhitungan.

Kita akui bahawa pusat-pusat pengajian tinggi yang lebih banyak harus didirikan untuk menampung jumlah pelajar-pelajar sekolah menengah yang kian bertambah itu. Kalau boleh, lebih banyak wang diuntukkan bagi membesarkan universiti-universiti yang ada sekarang. Tapi ini tidaklah bermakna bahawa kita mesti mengujudkan sebuah universiti swasta yang menggunakan bahasa pengantar Cina dan Inggeris seolah-olah menghina kemampuan Bahasa Malaysia untuk menjadi bahasa pengantar ilmu pengetahuan tinggi di peringkat universiti.

Apa salahnya mencadangkan penubuhan universiti swasta yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantarnya? Sekiranya ingin mempelajari bahasa Cina dengan lebih mendalam lagi adakan juga jabatan Pengajian Cina di universiti tersebut seperti mana yang terdapat di Universiti Malaya sekarang.

Tapi kalau Universiti Merdeka ini sengaja hendak dijadikan modal politik untuk memperjuangkan kepentingan-kepentingan yang lain dari kepentingan pelajaran tinggi maka risikonya adalah terlalu berat untuk dipikul oleh MCA, Gerakan dan DAP.

Adalah menjadi sifat semula jadi orang-orang Melayu untuk berbudi pada orang-orang yang mendatang, sabar dan toleran terhadap kelakuan atau tindakan mereka yang dianggap kurang tahu tentang nilai-nilai budaya Melayu.

Tetapi bilamana toleransi dan kesabaran dianggap sebagai kelemahan maka akan timbul penentangan dari orang-orang Melayu. Orang Melayu tidak pernah mendurhaka kepada pucuk pimpinannya melainkan kalau tindakan pemimpin-pemimpin mereka dianggap berlawanan dengan nilai-nilai budaya yang menjadi bagian integral dalam personaliti bangsa Melayu.

Sejarah perdaulatan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di tanahair ini melalui liku-liku pengorbanan yang banyak, halangan-halangan yang jelas dan samar-samar, kepercayaan yang tidak percaya terhadap kemampuannya dan penghinaan yang tidak sedikit. Ini adalah realiti sejarah — perjuangan yang dilalui sepenuhnya oleh orang-orang Melayu sendiri.

Justru itu setiap issue yang menyimpang dari landasan nasional, terutama sekali di bidang pelajaran, akan membawa porak peranda pada bangsa Malaysia. Kebanyakan orang Melayu berpendapat kaum Cina kebanyakannya masih belum mahu mengakui kedaulatan Bahasa Malaysia itu bilamana mereka masih mahu memperjuangkan kepentingan bahasa Cina sebagai pengantar di Universiti Merdeka. Walaupun tidak dinyatakan secara terus terang dalam kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh mana-mana tokoh politik namun dengan menekankan pengantar Cina tersebut telah menimbulkan kesan seolah-olah mereka meragui kemampuan bahasa nasional kita.

Kita berpendapat persoalan bahasa pengantar dan matalamat Universiti Merdeka sebagai tonggak perjuangan orang-orang Cina seberang laut adalah amat merbahaya terutama sekali dalam konteks masyarakat majmuk seperti Malaysia. Para penyokong Universiti ini melalui ranjau-ranjau yang amat sensitif yang menikam toleransi orang-orang Melayu bilamana seluruh rakyat sedang melihat pelaksanaan Bahasa Malaysia sebagai

bahasa pengantar di peringkat universiti pada tahun 1983 ini.

Mungkin ada orang yang mendapat kesan bahawa penyokong-penyokong Universiti ini dengan sengaja hendak menggagalkan hasrat rakyat terbanyak untuk melihat perkembangan Bahasa Malaysia di peringkat universiti sebelum menjelang tahun 1983. Kalau ini benar maka keujudan Universiti Merdeka amat sulit untuk diterima oleh sebilangan besar kaum Melayu walaupun orang-orang Cina menerimanya dengan penuh sukacita. Dalam konteks kesedaran nasional sekarang adalah tidak kena pada tempatnya bahasa pengantar dalam sistem pelajaran negara kita dari sekolah rendah hingga ke universiti menggunakan bahasa-bahasa lain selain Bahasa Malaysia.

Polarisasi kaum masih tebal lagi di kalangan rakyat Malaysia. Experimen perpaduan kaum melalui makan durian sahaja tidak mencukupi untuk membentuk satu rupabangsa Malaysia. Desakan-desakan yang keterlaluan seperti issue Universiti Merdeka ini akan merenggangkan lagi integrasi kaum oleh kerana ia dicetuskan oleh kebangsaan Cina yang sempit.

Terus terang kita berkata bahawa kebanyakan orang Melayu masih mempersoalkan kesetiaan kebanyakan orang-orang bukan Melayu. Contoh-contohnya banyak sekali. Dalam sukan kita dapati penonton-penonton Cina lebih gemuruh sambutan mereka terhadap pasukan-pasukan asing dari memberi sokongan moral pada pasukan negara sendiri oleh kerana pasukan-pasukan asing itu datangnya dari Hong Kong atau Republik Rakyat Cina.

Sikap Republik rakyat Cina yang membela nasib pelarian Cina dari Vietnam membuktikan kepada umum bahawa konsep kecinaan itu amat tebal walaupun Vietnam dan Republik Rakyat Cina kedua-duanya adalah negara

komunis. Ini memberi indikasi kepada kita bahawa perjuangan orang-orang Cina tidak terbatas kepada geopolitik tanah besar Cina dan Taiwan sahaja malah terus berkembang marak di negara-negara lain juga khususnya di Asia Tenggara ini.

Ini juga menjadi faktor kebimbangan di kalangan kaum pribumi di mana-mana saja yang menghadapi 'the Chinese problem'. Dalam hal ini kami ingin memetik pendapat Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dalam bukunya *May Thirteen. Before and After* antara lain berkata:—

“Seseorang mestilah menimbangkan sikap pelajar-pelajar Cina dari sekolah-sekolah Cina yang taat setia mereka adalah kepada negara Cina. Mereka menentang Bahasa Kebangsaan sebagai satu prinsip, dan oleh kerana itu, mereka mengecam rakan kita MCA oleh kerana ia bersetuju dengan bahasa tersebut. Ini adalah satu sebab mengapa MCA hilang banyak penyokong-penyokong Cina dalam pilihanraya. Adalah jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan Bahasa Kebangsaan sepenuhnya perlu mengambil masa.” (h. 149)

Alasan yang diberikan oleh Tunku ini memang ada kebenarannya bila sekolah-sekolah Cina dijadikan 'platform' untuk memperjuangkan nasionalisme Cina yang sempit seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Sifat kecinaan yang sempit ini akan terus berkembang selagi anak-anak Malaysia dari berbagai kaum tidak belajar dalam satu sekolah yang sama dan yang mempunyai bahasa pengantar yang sama.

Untuk pengetahuan pembaca tentang jumlah pelajar-pelajar dari berbagai kaum, dan dari berbagai medium sekolah maka saya turunkan statistiknya di sini.

**JUMLAH PELAJAR DI SEKOLAH-SEKOLAH*
BANTUAN DAN SWASTA DI SEMENANJUNG
SEHINGGA 31hb JANUARI 1973**

<i>Bahasa Pengantar</i>	<i>Jumlah pelajar di Sek. Menengah Bantuan Kerajaan</i>		<i>Jumlah pelajar di Sek. Swasta</i>	
	<i>Rendah</i>	<i>Menengah</i>	<i>Rendah</i>	<i>Menengah</i>
Melayu	882,444	215,686	110	1,696
Inggeris	119,292	375,093	2,297	22,404
Cina	450,903	—	4,607	19,926
Tamil	78,854	—	104	—
Jumlah semua	1,531,493	590,227	7,118	44,026

*Tidak termasuk sek. men. Teknik/Vocational/Sek. Pertukangan Luar Bandar.

**JUMLAH SEKOLAH YANG MENDAPAT BANTUAN
DAN SEKOLAH-SEKOLAH SWASTA DI
SEMENANJUNG MALAYSIA SEHINGGA
31hb JANUARI 1973**

<i>Bahasa Pengantar</i>	<i>Jumlah Sek. Bantuan Bantuan Penuh/ Separuh Penuh</i>		<i>Jumlah Sekolah</i>	
	<i>Rendah</i>	<i>Menengah</i>	<i>Rendah</i>	<i>Menengah</i>
Melayu	2,318	351	1	13
Inggeris	403	451	19	94
Cina	987	—	30	38
Tamil	631	—	2	—

**JUMLAH GURU DI SEKOLAH BANTUAN
KERAJAAN DAN SWASTA DI SEMENANJUNG
MALAYSIA SEHINGGA 31hb JANUARI 1973**

<i>Bahasa Pengantar</i>	<i>Jumlah guru di Sek. Bantuan Penuh/ Separuh Bantuan</i>		<i>Jumlah guru di Sek. Swasta</i>	
	<i>Rendah</i>	<i>Menengah</i>	<i>Rendah</i>	<i>Menengah</i>
Melayu	21,692	7,479	4	77
Inggeris	9,095	14,628	138	866
Cina	13,090	—	91	596
Tamil	3,379	—	2	—

Dari tiga perangkaan di atas dapat kita perhatikan tentang jumlah pelajar-pelajar di sekolah-sekolah Cina, jumlah guru dan juga jumlah sekolah-sekolah Cina yang mendapat bantuan kerajaan dan juga sekolah-sekolah swasta. Jumlah murid-murid Cina di sekolah rendah Cina adalah besar oleh kerana semangat orang Cina yang amat pentingkan pelajaran dan kebudayaan mereka. Menurut *Kajian Keciciran* oleh Kementerian Pelajaran Malaysia golongan Cina yang berada masih terus mengantarkan anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Cina, dan ini adalah satu sebab mengapa sekolah-sekolah Cina terus berkembang dan mempunyai kedudukan kewangan yang teguh. Dengan kata lain, pelajaran melalui bahasa Cina untuk peringkat rendah masih memberi kesempatan kepada orang-orang Cina dan juga orang-orang India untuk mempelajari dan menghidupkan bahasa dan kebudayaan masing-masing. Sungguh pun kerajaan tidak memberi bantuan kepada sekolah-sekolah menengah Cina namun jumlah anak-anak Cina yang belajar di sekolah menengah Cina swasta agak besar juga jumlahnya.

Dari perangkaan tentang jumlah sekolah-sekolah yang mendapat bantuan kerajaan kita dapati bahawa 987

buah sekolah Cina (rendah) mendapat bantuan dari kerajaan, dan jumlah ini bukanlah sedikit. Jumlah sekolah-sekolah Cina adalah kedua besar jumlahnya kalau dibandingkan dengan sekolah Melayu. Begitu juga dengan jumlah guru yang dibayar gaji oleh kerajaan yang berjumlah 13,090 orang itu yang merupakan kedua besar jumlahnya selepas guru-guru sekolah Melayu.

Angka-angka ini tentulah menggirangkan orang Cina tetapi malangnya masih ada di kalangan mereka yang kurang berpuas hati dengan kemudahan-kemudahan serta layanan-layanan yang diberikan oleh kerajaan sejak Merdeka hingga kini. Kita akui bahawa peluang mendapatkan pelajaran itu adalah hak bagi setiap warga-negara tetapi apa yang dianggap sebagai hak perlu juga berdasarkan realiti politik dan cita-cita nasional. Justru itu bilamana tafsiran hak sesuatu kaum seperti issue Universiti Merdeka ini yang ingin menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantarnya maka pengertian hak ini sudah melanggar cita-cita nasional dan bertentangan dengan prinsip Dasar Pelajaran Kebangsaan. Kalau kaum Cina berjaya dengan desakan mereka untuk menggunakan bahasa Cina di peringkat universiti apakah orang-orang India juga akan berdiam diri dan tidak menuntut hak mereka pula untuk mengujudkan sebuah universiti swasta yang menggunakan bahasa Tamil pula?

Ada orang membuat tuduhan bahawa pusat-pusat pengajian tinggi lebih banyak memberi tempat kepada pelajar-pelajar Bumiputra yang kurang kelayakan untuk mendapat pelajaran tinggi. Ini bermakna menolak ke samping calon-calon yang lebih berkelayakan dari calon-calon bukan Bumiputra! Tuduhan begini adalah satu penghinaan seolah-olah kebanyakan para pelajar Melayu tidak layak untuk menuntut di universiti. Bukanlah mainan emosi kita untuk berbahas tentang kecerdasan otak orang-orang Melayu untuk dibandingkan dengan bukan Melayu di Malaysia. Bahawa banyak anak-anak

Melayu yang belajar di universiti-universiti tempatan bisa melanjutkan pengajian post-siswazah di luar negeri dalam berbagai bidang membuktikan mutu pelajaran di universiti-universiti tempatan tidaklah kurang nilainya dengan setengah universiti di seberang laut. Kalau mutu pengajian di universiti tempatan merosot oleh kerana pihak kerajaan hendak memenuhi quota kaum Bumiputra di kampus, maka anggapan tersebut adalah terlalu kebudakbudakan.

Tinggi atau rendahnya mutu pengajian di universiti bukan terletak pada kelayakan para siswa yang belajar tetapi terletak pada pensyarah-pensyarah dan pihak senate yang merancang kurikulum bagi setiap pengajian di universiti. Inilah salah satu faktor mengapa tidak semua universiti di Amerika itu atau pun di India boleh diakui ijazah mereka oleh kerana setengah universiti tersebut tidak mempunyai mutu pengajian yang cukup tinggi. Malah ada banyak universiti-universiti di Amerika Syarikat yang memberi ijazah M.A. hanya dalam masa lapan bulan sahaja!

Malangnya ada golongan yang sengaja membesarkan soal kelayakan masuk ke universiti untuk menyindir orang-orang Melayu. Kami berpendapat sindiran ini timbul akibat kebimbangan setengah orang bila melihat orang-orang Melayu sudah menjadikan pelajaran sebagai 'investment' mereka untuk hari depan. Mereka sudah sanggup berkorban untuk mendapat pelajaran tinggi kini. Mereka juga sudah meneroka ke bidang iktisas seperti perakaunan, ekonomi, statistik, kedokteran, kejuruteraan, sains komputer dan sebagainya yang dulunya dianggap kurang mustahak oleh kebanyakan pelajar-pelajar Melayu. Dengan melengkapkan diri tentang berbagai ilmu pengetahuan moden anak-anak Bumiputra sudah sanggup mengharungi berbagai cabaran hidup seperti bisnes dan perusahaan untuk membuktikan bahawa mereka juga mampu untuk berjaya dalam bidang hidup yang baru ini.

Ini adalah hasil dari Dasar Ekonomi Baru yang membuka peluang lebih banyak kepada kaum Bumiputra untuk 'berexperimen' dalam bidang kehidupan yang non-tradisional. Bilamana sudah ada kaum entrepreneur Melayu yang berjaya dan menguasai 'big business' maka kebimbangan terhadap kedudukan kepentingan bukan Bumiputra pun mula timbul. Apa yang dianggap sebagai 'birth right' mereka akibat kolonialisme dahulu iaitu bidang perniagaan dan perusahaan kini sudah mula dimasuki oleh kaum Bumiputra pula!

Inilah realiti dalam konflik sosial dan ekonomi sekarang yang menimbulkan reaksi dalam soal pendidikan dan politik juga. Mereka bimbang kedudukan mereka dalam ekonomi dan perniagaan terancam oleh cabaran kaum Bumiputra yang sudah 'business-minded', dan ini menyebabkan mereka terpaksa merancang strategi politik, ekonomi, sosial dan pendidikan supaya dapat terus mempertahankan kepentingan mereka sebaik mungkin.

Sebenarnya issue Universiti Merdeka ini merupakan salah satu mata rantai dari perjuangan kaum Cina untuk mendesak kerajaan dan orang Melayu supaya mengakui kedudukan mereka sejajar dengan orang-orang Melayu dari segala segi melainkan kedudukan sebagai sultan dan mufti barangkali. Pihak Merdeka University Berhad bisa mempengaruhi 'public opinion' melalui kempen-kempen pelajaran kerana seruan-seruan di bidang ini lebih mudah menggugah perasaan individu terutama sekali bagi mereka yang kuat berpegang kepada perjuangan multilingualisme di Malaysia.

Dalam suasana orang berlomba-lomba untuk mendapat tempat di pusat-pusat pengajian tinggi setiap usaha untuk membuka peluang yang lebih luas kepada generasi muda kita akan tetap mendapat sambutan baik. Kebanyakan penyokong-penyokong universiti swasta mungkin melihat dari segi peluang pelajaran yang bisa diberikan oleh pengajian tinggi swasta itu tanpa dibuai oleh pandangan politik kebudayaan seperti yang diperjuang-

kan oleh MCA, Gerakan, DAP dan Merdeka University Berhad. Mungkin mereka jujur untuk menyokong saranan penubuhan universiti swasta tersebut. Dan ada juga orang Melayu yang inginkan universiti swasta.

Tetapi sikap dan tujuan MCA, Gerakan dan DAP terutama sekali ialah untuk mengexploitasikan keinginan penubuhan universiti swasta untuk memperjuangkan bahasa dan kebudayaan Cina. Dengan demikian simpati orang ramai, terutama sekali di kalangan kaum Bumiputra, adalah amat meleset. Justru itu cita-cita penubuhan Universiti Merdeka hanya mendapat dukungan dari setengah golongan Cina dan barangkali sebilangan kecil dari golongan India dan lain-lain bangsa. Dari segi politik apa saja rancangan yang tidak mendapat dukungan kaum Bumiputra tidak akan mendapat restu dari pihak kerajaan kerana implikasi politiknya yang dianggap tidak sihat dari segi hubungan kaum.

Pendapat ini berdasarkan bahawa politik Malaysia buat beberapa dekad yang akan datang masih merupakan 'Malay-based politics'. Bahawa adanya pandangan dari menteri-menteri Melayu yang kanan yang menyebut tentang peranan UMNO sebagai tulang belakang politik Malaysia memberi indikasi bahawa 'Malay-based politics' ini akan terus menentukan sejarah politik negara ini. Sikap begini juga diakui oleh Dr. Goh Cheng Teik dalam bukunya *The May Thirteenth Incident and Democracy in Malaysia* yang antara lain berkata:—

“Adalah bijaksana demi kestabilan politik di Malaysia agar kaum imigran mengawal secara sukarela perkara-perkara ini iaitu 1) menghindarkan dari persaingan untuk mendapatkan kuasa melalui organisasi-organisasi politik yang berunsur perkauman dan 2) membenarkan orang-orang Melayu, Iban, Kadazan dan lain-lain kaum Bumiputra untuk mempunyai keutamaan bagi memegang jawatan Perdana Menteri dan lain-lain kementerian yang

penting dalam kabinet paling kurang untuk satu generasi lagi. Adalah diduga bahawa dalam masa satu generasi ini penduduk-penduduk Melayu akan lebih maju lagi di bidang politik untuk menjadi lebih liberal dan matang, dan dengan demikian mereka akan dapat menerima prinsip-prinsip untuk bersaing secara bebas dan dapat menikmati kekuasaan secara bebas seperti yang diterima oleh UMNO pada tahun 1957." (hal. 40)

Inilah hakikat politik di Malaysia dan kaum imigran yang menjadi warganegaranya perlulah menyesuaikan cita-cita politik mereka dengan iklim politik ini. Mungkin menyedari apa yang pernah ditulisnya dalam buku ini maka Dr. Goh Cheng Teik dalam forum Debat Besar Ekonomi di Universiti Malaya pada 22hb September lalu berkata bahawa sekiranya Universiti Merdeka yang dicitacitakan itu bertentangan dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan maka Gerakan tidak akan menyokongnya! Kalau apa yang diucapkan oleh Dr. Goh diterima oleh pucuk pimpinan Gerakan maka bererti Gerakan benar-benar memahami situasi politik Malaysia sekarang. Tapi apakah ini benar?

Sekiranya lembaga pengarah Merdeka University Berhad ingin mencabar kerajaan melalui tindakan undang-undang untuk memaksakan penerimaan konsep perjuangan Universiti Merdeka itu maka tindakan mereka akan membawa gema dan kesan politik yang lebih buruk dari peristiwa 13 Mei. Ia akan memecahbelahkan orang-orang Melayu dengan orang-orang Cina dan perasaan buruk sangka antara satu dengan lain kian bertambah sekiranya akhbar-akhbar yang melaporkan pembicaraan itu memuatkan hujjah-hujjah dari kedua pihak dengan leluasa dan penuh emosi pula.

Kalau tindakan undang-undang diambil ancumannya bukanlah kepada kerajaan dan orang-orang Melayu tetapi kepada orang-orang Cina sendiri oleh kerana sikap

Merdeka University Berhad itu dianggap sebagai suara sumbang dari aspirasi keseluruhan orang-orang Cina. Dengan demikian segala hubungan yang mesra dalam politik, ekonomi, sosial, pelajaran dan kebudayaan selama ini antara Melayu dengan Cina akan hancur oleh kerana tindakan yang kurang bijaksana itu. Dan boleh jadi juga kalau hubungan kaum menjadi bertambah buruk MAGERAN terpaksa diisytiharkan sekali lagi! Ini mungkin berlaku.

Sayang sekali lembaga pengarah Merdeka University Berhad dan setengah dari tokoh-tokoh MCA, Gerakan dan DAP tidak belajar dari sejarah kegagalan orang lain. Beberapa tahun yang lalu telah timbul satu rancangan dari kalangan tertentu untuk menubuhkan sebuah kolej kelas elit yang menggunakan bahasa Inggeris. Beberapa tokoh terkemuka dari masyarakat Melayu juga menjadi pengasasnya. Akhirnya pengasas-pengasas kolej tersebut terpaksa membatalkan cadangan mereka itu kerana kerajaan tetap tidak membenarkan penubuhan sebuah kolej swasta yang bertentangan dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan walaupun bahasa Inggeris merupakan bahasa internasional dan bahasa kedua pentingnya di negara kita.

Sekiranya Merdeka University Berhad hanya bercita-cita untuk membuka peluang pelajaran yang lebih luas kepada semua pelajar yang berkelayakan dan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantarnya besar kemungkinan semua pencinta-pencinta pelajaran akan menyokong penubuhan universiti swasta tersebut. Mungkin buat waktu yang pendek kerajaan akan menunda pembukaannya sehingga kelima-lima buah universiti di tanahair sudah melaksanakan bahasa pengantar dalam Bahasa Malaysia pada tahun 1983 ini. Namun peluang untuk penubuhan sebuah universiti swasta selepas tahun 1983 adalah cukup cerah sekiranya universiti-universiti kerajaan yang ada tidak dapat menampung pelajar-pelajar yang berkelayakan untuk belajar di dalamnya.

Malangnya Merdeka University Berhad telah membuat langkah yang salah, dan langkah yang salah ini diikuti pula oleh MCA, Gerakan dan DAP.

BIBLIOGRAFI

- DAP, *Who Lives If Malaysia Dies? The DAP's Case for a Multi-racial Society*. K. Lumpur: DAP, April 1969.
- Education Statistics of Malaysia 1973*. K. Lumpur: Kementerian Pelajaran, 1976.
- Ghazali Shafie, *Malaysia: Nilai Politik dan Budaya*. K. Lumpur: Dinamika Kreatif, 1978.
- Ibrahim Saad, *Pendidikan dan Politik di Malaysia*, K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1977.
- Jabatan Perangkaan, *Anjuran Penduduk untuk Negeri-Negeri Semenanjung Malaysia 1970-1980*. K. Lumpur; Mac. 1976.
- Kajian Keciciran*. Kementerian Pelajaran, 1973.
- Phang, Paul Chang Ming, *Perkembangan Pelajaran dalam Masyarakat Berbilang Kaum*. K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975.
- Report of the Education Committee 1956*. K. Lumpur: Pencetak Kerajaan, 1956.
- Report of Education Review Committee 1960*. K. Lumpur: Pencetak Kerajaan, 1960.
- Report of the Implementation of the Recommendation of the Education Review Committee 1960*. K. Lumpur: Kementerian Pelajaran, 1971.
- Ratnam, K.J. *Communalism and the Political Process in Malaya*. K. Lumpur: University of Malaya Press, reprinted, 1967.
- Rao, Chandriah Appa, et. el, *Issues in Contemporary Malaysia*. K. Lumpur: Heinemann Educational Books, 1977.
- Siang, Lim Kit, *Time Bomb in Malaysia*. K. Lumpur: DAP, 1978.

Teik, Goh Cheng, *The May Thirteenth. Incident and Democracy in Malaysia*. K. Lumpur: Oxford University Press, 1977.

—————, *Integration in a Plural Society*. P. Pinang: The Straits Echo Press, 1978.

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, *Looking Back*. K. Lumpur: Pustaka Antara, 1977.

—————, *May 13th. Before and After*. K. Lumpur: Utusan Melayu, 1969.

Vasil, R.K. *The Malaysian General Elections of 1969*. K. Lumpur: Oxford University Press, 1972.

Buku-buku terbitan DINAMIKA KREATIF mendapat sambutan yang baik di kalangan pembaca-pembaca yang sophisticated yang ingin mengikuti perkembangan politik tanahair secara mendalam. Setiap buku terbitan DINAMIKA KREATIF adalah hasil dari buah fikiran yang terpilih dari pengarang-pengarang yang terpilih pula.

Dari masa ke masa DINAMIKA KREATIF akan menerbitkan karya-karya yang menyicah issue-issue semasa yang hangat dibincangkan dalam masyarakat seperti *Politik Universiti Merdeka* ini. Kami ingin menyingkap setiap rahasia yang menyelubungi kehidupan politik dan sosial di tanahair agar setiap rakyat sedar tentang apa yang berlaku sekitar kehidupannya.

Untuk melengkapkan bacaan anda tentang politik semasa DINAMIKA KREATIF telah pun menerbitkan buku-buku di bawah ini:—

- 1) Malaysia: Nilai Politik dan Budaya oleh Tan Sri Ghazali Shafie (\$7.50)
- 2) Masalah Melayu Pulau Pinang oleh Yahaya Ismail (\$3.00)
- 3) Berjaya Ditengah-tengah Politik Malaysia oleh Yahaya Ismail (\$6.00)
- 4) Bulan Purnama Gerhana Di Kelantan. Satu Analisa Politik Kelantan oleh Yahaya Ismail (\$4.00)
- 5) Krisis Politik Kelantan oleh Yahaya Ismail (\$4.00)

Untuk mendapatkan buku-buku di atas silalah kirimkan Money Order/Postal Order kepada:—


Pengurus
Dinamika Kreatif,
3B-2, Bangunan UDA,
Jalan Pantai Baru, Kuala Lumpur 22-07.
Tel: 51824

Universiti Merdeka menjadi issue politik yang hangat dan kontroversial sekarang ini. MCA, Gerakan dan DAP nampaknya menyokong penubuhan Universiti ini walaupun berbagai tokoh dari parti-parti komponen Barisan Nasional menolak cadangan Lim Kit Siang dalam Parlimen.

Tapi apakah issue Universiti Merdeka ini akan selesai setelah selesainya persidangan Parlimen atau akan menjadi issue yang boleh menggugat keutuhan nasional?

Dalam buku ini didedahkan 'rahsia' strategi politik parti-partai tertentu baik dalam Barisan Nasional maupun di luar Barisan melalui issue Universiti Merdeka ini.

Sebuah buku analisa politik yang mendalam dari pengarang yang kontroversial pula.



Yahaya Ismail telah menulis lebih dari 15 buah buku yang mencakupi bidang sastra dan politik. Mendapat didikan di Kuala Lumpur, Universitas Indonesia dan Universiti Monash, Australia. Kini membuka firma perunding di bidang penerbitan, kebudayaan dan perhubungan awam di Kuala Lumpur.

TAP
3
Y